Waris korban kongsi RM10,000 dengan bomba 5

921 usahawan Hijrah dapat moratorium 4

Kecuali bil air legakan mangsa banjir 2

Bas percuma untuk warga Sri Muda 6

selangorkini

PERCUMA PP 19570/07/2020 (035196) EDISI 6 - 12 JANUARI 2022 www.selangorkini.my

11,481 mangsa bah terima RM1,000

Lebih 30,000 isi rumah bakal menerima bantuan yang dijangka selesai diagih akhir bulan ini. Waris korban banjir turut menerima sumbangan RM10,000 menerusi Bantuan Selangor Bangkit

MUKA 2

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyampaikan sumbangan Bantuan Selangor Bangkit berjumlah RM1,000 kepada mangsa banjir di pusat pemindahan sementara di Sekolah Kebangsaan Sungai Serai, Hulu Langat pada 29 Disember. Foto NAZIR KHAIRI

45,000 tan sampah banjir dibersihkan

Kerja mengangkut sampah pukal dibuat sebaik banjir surut. Usaha berkenaan dijayakan KDEB Waste Management, pihak berkuasa tempatan dan sukarelawan

MUKA 3

Cara mudah mohon bantuan banjir

MANGSA di pusat pemindahan tidak perlu isi borang, kategori lain semak di pusat sehenti

> **MUKA 4**

Kenali tanda awal tanah runtuh, lokasi berisiko

KESAN awal hakisan boleh dikenal pasti terutama lokasi berisiko di Selangor dan Kuala Lumpur

> **MUKA 11**

Usahawan pes tumis popular di Shopee

WANITA bangkit walau perniagaan hampir ranap gara-gara hutang puluhan ribu pelanggan

> **MUKA 17**

Tabung khas banjir terima RM1.8 juta

SHAH ALAM - Sebanyak RM1.8 juta sumbangan dikumpul menerusi Tabung Ikhtiar Selangor Bangkit termasuk dari beberapa syarikat korporat, kata Dato' Menteri Besar.

Penyumbang itu antaranya THC Sdn Bhd, WCT Holding Berhad, Nirvana Asia Group, Persekutuan Pekilang Malaysia Cawangan Selangor dan Kuala Lumpur serta Malaysia Rail Link Sdn Bhd.

"Sumbangan ini kita akan gunakan untuk membantu kebajikan dan juga proses pemulihan banjir yang sedang giat dilakukan," kata Dato' Seri Amirudin Shari selepas menerima dana tersebut pada 31 Disember.

Individu atau syarikat yang mahu menyumbang boleh membuat bayaran dalam talian menerusi akaun Bank CIMB 8604-747-531 (Bendahari Negeri Selangor Rujukan: Tabung Ikhtiar).

Faktor iklim elemen rancang masa depan

SHAH ALAM - Faktor perubahan iklim menjadi elemen penting dalam perancangan masa hadapan negeri ini, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata langkah itu dipertimbang berikutan banjir besar melanda beberapa kawasan negeri baru-baru ini.

"Bencana banjir 2021 ini seharusnya menjadi asbab untuk kita melakukan suatu anjakan paradigma. Acap kali ditegaskan bahawa perubahan iklim merupakan suatu cabaran besar buat kita semua.

"Mengambil iktibar daripada pelbagai faktor ini, Kerajaan Negeri bercadang untuk menjadikan perubahan iklim (climate change) sebagai salah satu elemen penting dalam sebarang perancangan di masa hadapan,"katanya dalam perutusan tahun baharu 2021.

Guna sumbangan bina semula rumah

HULU LANGAT - Mangsa banjir mahu menggunakan RM1,000 sumbangan Kerajaan Selangor untuk membaiki semula rumah yang dalam pembinaan tetapi lenyap dalam bencana pada 18 Disember.

Rumah Yusri Ahmad, 44, yang baru siap 30 peratus sejak dibina beberapa bulan lalu di Kampung Jawa di sini musnah dan hanya tinggal tapak akibat banjir.

"Bila banjir berlaku habis semuanya musnah. Memang sedih tetapi saya perlu teruskan impian bina rumah sendiri.

"Bantuan RM1,000 memang bermakna, boleh saya guna untuk bina semula rumah," katanya.

Yusri sudah lama memasang impian membina rumah untuk isteri serta dua anaknya yang kini menetap di kediaman keluarganya di Sungai Lui.

Harap 2022 bawa khabar gembira

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor dan DYMM Tengku Permaisuri Selangor menzahirkan ucapan Selamat Tahun Baharu 2022 kepada seluruh rakyat.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dan Tengku Permaisuri Norashikin berharap tahun 2022 membawa lebih banyak khabar gembira buat rakyat dan sentiasa dalam lindungan Allah.

"Semoga tahun 2022 membawa lebih banyak khabar gembira buat sekalian rakyat jelata, kemakmuran berterusan, kesejahteraan yang berpanjangan dan sentiasa di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala," titah Baginda menerusi Facebook Selangor Royal Office pada 31 Disember.

Susulan banjir luar biasa yang melanda pada 18 Disember, Kerajaan Negeri memutuskan tiada sambutan ambang tahun baharu 2022 sebaliknya diganti majlis solat hajat dan munajat supaya musibah dijauhi.

Serah terus ke rumah mangsa

11,481 keluarga terima RM1,000

Oleh **SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - Seramai 11,481 keluarga terjejas banjir telah memperoleh bantuan berjumlah RM1,000 setakat jam 10 pagi 5 Januari, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan Kerajaan Negeri berbelanja RM11.5 juta untuk sumbangan menerusi inisiatif Bantuan Selangor Bangkit (BSB).

"Kerajaan Negeri akan memulakan proses penyerahan sumbangan rumah ke rumah bagi memudahkan rakyat menerima bantuan," katanya menerusi Twitter.

Menurut infografik yang dikongsi beliau, dua waris korban banjir di Hulu Langat dan tiga di Sepang turut menerima masing-masing RM10,000.

Daerah Petaling paling ramai menerima bantuan membabitkan 4,349 isi rumah diikuti 2,143 penduduk Hulu Langat manakala 1,866 lagi di Klang.

Turut menerima sumbangan sama adalah 1,115 isi rumah di Kuala Selangor, Kuala Langat (705), Sepang (904), Gombak (313), Sabak Bernam (35) dan Hulu Selangor (51).

Pada 21 Disember tahun lalu, Kerajaan Negeri menyediakan dana RM100 juta bagi permulaan program BSB susulan banjir di beberapa daerah pada 18 Disember.

Selain pemulihan prasarana, peruntukan itu meliputi bantuan RM10,000 kepada waris korban banjir manakala RM1,000 kepada ketua isi rumah bagi membaik pulih semula kediaman.

Individu yang layak menerima bantuan melibatkan tiga kategori iaitu mangsa yang berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS), telah keluar dari PPS dan kekal di rumah.

Bantuan diagih mulai 28 Disember dan dijangka selesai hujung bulan ini.

Penduduk puji bantuan negeri cepat

GOMBAK - Mangsa banjir di Jalan Bachang Tanah Gantian, Sungai Tua di sini lega berikutan bantuan RM1,000 yang disediakan Kerajaan Negeri disalur dengan cepat.

Suri rumah Darni Che Mat, 55, berkata sumbangan menerusi Bantuan Selangor Bangkit (BSB) meringankan beban mereka untuk membaiki rumah dan membeli keperluan harian.

"Apabila ketua kampung memaklumkan mangsa bencana menerima bantuan RM1,000, saya bersyukur kerana tidak perlu menunggu lama, dapat membeli keperluan seperti ganti almari yang rosak," katanya pada 31 Disember.

Sambil berterima kasih, peniaga Mohd Mahrami Hanafi, 47, pula menganggap bantuan berkenaan dapat digunakannya bagi membeli kelengkapan anak-anak yang masih bersekolah.

"Insya-Allah, bantuan ini juga digunakan untuk membeli keperluan penting yang rosak akibat rumah dinaiki air," katanya.

Lega dikecualikan bil air sebulan

HULU LANGAT - Pengecualian bayaran bil air selama sebulan melegakan mangsa banjir lantaran mereka tidak perlu runsing untuk menanggung perbelanjaan kerja pemulihan pascabanjir.

Ibu kepada tiga anak Nooraseha Mohd Yahaya, 37, berkata kerja pembersihan rumah dan kenderaan yang diselaputi lumpur memerlukan penggunaan air yang banyak seterusnya memberi kesan kepada bil bulanan.

"Mujur Kerajaan Selangor beri pengecualian sebulan. Ini membantu kami yang menanggung perbelanjaan lain seperti mengganti perabot rosak," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Jawa, Batu 18 di sini pada 2 Januari.

Penduduk kampung sama, Hasbi Ayan, 50, menyifatkan penjimatan daripada pengecualian bil itu boleh digunakan untuk membeli keperluan atau mengganti barangan rosak ketika banjir.

"Tentunya bayaran bil pasti tinggi. Bila ada pengecualian dapat kami berjimat dan menggunakannya untuk membeli barang keperluan," katanya.

Pengecualian bayaran itu antara sebahagian manfaat yang diumumkan Kerajaan Negeri dalam program Bantuan Selangor Bangkit menerusi peruntukan RM100 juta susulan kejadian mulai 18 Disember.

Kerja pembersihan pascabanjir oleh KDEB Waste Management (KDEBWM) di Taman Sri Muda, Shah Alam pada 3 Januari. Foto FIKRI YUSOF

Kerja pembersihan giat dilaksana

Angkut 45,000 tan sampah banjir

Oleh **HELMI MOHD FOAD**

SHAH ALAM - Hampir 45,000 tan sampah pukal dibersihkan di lapan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang terjejas banjir sejak air mulai surut 20 Disember lalu.

Dalam laporan pengendali sisa pepejal KDEB Waste Management (KDEBWM), kebanyakan sampah dibersihkan dalam kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam dengan jumlah 19,040 tan.

Bagaimanapun operasi pembersihan di kawasan terbabit belum siap sepenuhnya setakat 4 Januari, hanya mencapai 85 peratus.

Jumlah sampah yang banyak dibersihkan antaranya seperti berikut:

- Majlis Bandaraya Subang Jaya – 7,957 tan (siap 87 peratus)
- Majlis Perbandaran Klang – 6,760 tan (90 peratus)
- Majlis Perbandaran Kajang – 5,820 tan (100 peratus)

Berikut berat kutipan sampah pukal banjir di empat lagi PBT:

- Majlis Perbandaran Sepang – 2,537 tan (siap 100 peratus)
- Majlis Perbandaran Kuala Langat – 1,150 tan (100 peratus)
- Majlis Perbandaran Kuala Selangor – 1,078 tan (100 peratus)
- Majlis Bandaraya Petaling Jaya – 503 tan (100 peratus)

KDEBWM membersihkan kawasan terjejas banjir di beberapa daerah sejak 19 Disember lalu secara berperingkat yang dijangka selesai sekitar Januari.

Bermula 27 Disember, operasi pembersihan dilanjut sehingga malam untuk mempercepatkan kutipan sampah pukal pascabanjir terutama di kawasan kritikal.

Waspada helah caj mohon bantuan

SHAH ALAM - Mangsa banjir diminta berwaspada dengan tipu helah pihak tertentu yang mengenakan bayaran RM200 untuk memperoleh bantuan yang disediakan Kerajaan Negeri

Menegaskan proses permohonan sumbangan itu percuma, Dr G Gunaraj, pegawai khas perhubungan masyarakat kepada Dato' Menteri Besar berkata perbuatan itu dikesan sekitar Klang dengan menyasarkan warga emas dan ibu tunggal.

Beliau yang juga wakil rakyat Sentosa menjelaskan permohonan untuk menikmati Bantuan Selangor Bangkit (BSB) dikendalikan pusat khidmat sesebuah Dewan Undangan Negeri dengan kerjasama pejabat tanah dan daerah.

"Saya menyeru semua warga Selangor untuk berhati-hati dengan tipu helah sesetengah pihak yang kononnya ingin membantu, namun mempunyai tipu muslihat di sebaliknya," katanya pada 5 Januari.

G Gunaraj turut membuat aduan polis bagi mencegah kegiatan sindiket yang mengambil kesempatan atas kesusahan mangsa banjir di negeri ini.

Pada 21 Disember tahun lalu, Kerajaan Negeri mengumumkan dana RM100 juta bagi permulaan program BSB susulan insiden banjir di beberapa daerah pada 18 Disember.

Selain pemulihan prasarana, peruntukan itu meliputi bantuan RM10,000 kepada waris korban banjir manakala RM1,000 kepada ketua isi rumah bagi membaik pulih semula kediaman.

Individu yang layak melibatkan tiga kategori iaitu mangsa di pusat pemindahan sementara (PPS), keluar PPS dan mereka yang kekal di rumah.

4,700 sukarelawan bersih lokasi bah

SHAH ALAM - Seramai 4,783 Sukarelawan Selangor (SERVE) digerakkan bagi membantu pembersihan pascabanjir di kawasan terjejas bencana sejak 19 Disember.

Pembersihan di Petaling melibatkan 2,291 individu, Hulu Langat (1,301), Sepang (310), Kuala Langat (264), Klang (247), Kuala Selangor (226), Gombak (112) dan Hulu Selangor (32).

EXCO pembangunan generasi muda berkata kapasiti sukarelawan bergantung lokasi teruk terjejas antaranya Petaling dan Hulu Langat yang memerlukan banyak tenaga kerja.

"Matlamat kita supaya kerja pembersihan dapat diselesaikan segera di samping memberi keselesaan kepada mangsa," kata Mohd Khairuddin Othman pada 4 Januari.

Orang ramai yang memerlukan khidmat bantuan pembersihan pascabanjir boleh menghubungi Pusat Koordinasi Sukarelawan Selangor di talian 011-5752 9196/011-575 2939.

Belanja RM6 juta urus sisa

SHAH ALAM - Sebanyak RM6 juta dibelanjakan bagi mengurus sampah pascabanjir setakat ini, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau berkata Selangor memerlukan RM10 juta hingga RM20 juta untuk menyelesaikan proses pembersihan dan pungutan sampah berkenaan.

Kerajaan Negeri sebelum ini mengumumkan peruntukan RM100 juta untuk Ikhtiar Selangor Bangkit meliputi RM20 juta bagi pembersihan dan pemulihan manakala RM80 juta untuk pembinaan semula infrastruktur.

Setakat 4 Januari, hampir 45,000 tan sampah pukal dibersihkan di lapan pihak berkuasa tempatan yang terjejas banjir. – BERNAMA

Amal lima langkah perlindungan

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar mengingatkan semua pihak untuk terus berwaspada dengan jangkitan Covid-19 meskipun beralih ke tahun baharu.

Dato' Seri Amirudin Shari menyarankan masyarakat mengamalkan TRISS iaitu test (periksa), report (lapor) , isolate (asing), inform (maklum) dan seek (rawat).

"Sentiasa patuhi tatacara operasi piawai. Bersama-sama kita menghalang perebakan virus Covid-19," katanya pada 4 Januari.

Jumlah kes baharu harian Covid-19 dalam negara sejak kebelakangan ini sekitar 2,000.

Bermula 8 Januari, kerajaan menangguhkan sementara kebenaran perjalanan mengerjakan ibadah umrah bagi membendung penularan varian Omicron.

Cara mudah mohon bantuan RM1,000

SHAH ALAM - Permohonan bantuan RM1,000 dipermudah bagi menyegerakan mangsa banjir menerima sumbangan seterusnya meringankan beban penduduk untuk membaik pulih rumah dan barangan rosak.

Mereka yang layak terdiri daripada tiga kategori iaitu mangsa di pusat pemindahan sementara (PPS), telah keluar dari PPS dan kekal di rumah.

Berikut cara memohon bantuan mengikut kategori:

Mangsa di PPS

- Tidak perlu isi borang
- Nama disahkan data Jabatan Kebajikan Masyarakat
- Hadir ke pusat sehenti di PPS untuk pengesahan dan penerimaan

Mangsa keluar PPS atau kekal di rumah

- Daftar di pusat sehenti ditetapkan pejabat daerah dan tanah
- Daftar rumah ke rumah mulai 3 Januari
- Pendaftaran dibantu sukarelawan
- Kemuka MyKad atau lesen memandu atau pasport
- Penggantian dokumen rosak atau hilang di pusat sehenti
- Pengesahan ketua kampung atau penghulu atau ahli majlis atau ketua persatuan penduduk
- Tidak perlu gambar dan laporan polis
- Daftar dalam talian (bermula pertengahan Januari)
- Muat naik borang di selangor.gov.my

Penyaluran RM1,000 bawah Bantuan Selangor Bangkit (BSB) itu dijalankan sejak 28 Disember kepada mangsa di PPS manakala kategori lain diagih secara berperingkat.

Kerajaan Negeri turut memberikan RM10,000 kepada waris mangsa banjir dan sukarelawan serta petugas agensi yang meninggal dunia ketika bertugas membantu menguruskan bencana berkenaan.

Selain itu, pemulihan infrastruktur dan kerja pembersihan kawasan terjejas turut terkandung dalam dana RM100 juta bagi permulaan program BSB.

Setakat 5 Januari, sebanyak 11,481 isi rumah terjejas banjir menerima RM1,000 sementara lima keluarga mangsa terkorban masing-masing menerima RM10,000.

Peluang pulih perniagaan

921 usahawan terima moratorium

Oleh **SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - Seramai 921 usahawan Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah) yang terjejas banjir mendapat manfaat moratorium selama dua bulan.

Pengarah Eksekutifnya Dato' Seri Mohamad Suparadi Md Noor berkata penangguhan bayaran bermula 22 Disember diharap meringankan beban mereka.

"Permohonan moratorium ditutup 29 Disember dan usahawan yang mendapat manfaat terdiri sektor pembekal, pemakanan, perkhidmatan, pertanian, penternakan dan pemprosesan.

"Kita harap inisiatif ini sedikit sebanyak meringankan beban. Semoga wang untuk membayar pinjaman dapat digunakan untuk pulih kembali kehidupan dan perniagaan pascabanjir," katanya pada 3 Januari.

Pada 21 Disember, Kerajaan Negeri mengumumkan penangguhan bayaran pinjaman selama dua bulan kepada usahawan Hijrah Selangor membabitkan kesan kewangan RM15 juta.

Hujan lebat luar biasa antara 17 hingga 19 Disember lalu, lebih dua kali ganda taburan tertinggi sebelum ini iaitu kira-kira 180mm, mengakibat banyak lokasi di negeri ini ditenggelami air.

LZS buka bantuan banjir fasa dua

KUALA LUMPUR - Lembaga Zakat Selangor (LZS) membuka permohonan LZSPeduli fasa kedua sepanjang Januari untuk memberi peluang kepada mangsa banjir yang tidak berkesempatan membuat permohonan sebelum ini.

Permohonan bantuan banjir tersebut boleh dilakukan secara dalam talian di www.zakatselangor.com.my/lzspeduli

Ketua Pegawai Eksekutif LZS Saipolyazan M Yusop memaklumkan bagi fasa pertama yang ditutup pada 30 Disember, pihaknya telah menerima 35,000 permohonan, iaitu melebihi jangkaan.

"Pada masa ini, kami sedang giat memproses baki permohonan fasa pertama yang diterima. LZS juga telah menyegerakan pembayaran bantuan LZSPeduli yang mula disalurkan pada 28 Disember secara berperingkat," katanya.

Dalam pada itu, Saipolyazan berkata bagi golongan tidak mahir dengan teknologi terutamanya warga emas untuk memohon bantuan secara dalam talian, permohonan secara manual boleh dibuat dengan mengunjungi cawangan LZS berhampiran.

"Bagaimanapun, LZS amat menggalakkan saudara terdekat atau jiran membantu golongan ini untuk membuat permohonan melalui portal LZSPeduli kerana ia lebih cepat dan mudah," katanya. – BERNAMA

Mais hulur set lapik tidur, beras

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) menyumbangkan 150 set lapik tidur untuk diagih kepada mangsa banjir sekitar Klang pada 1 Januari.

Daripada jumlah itu, 100 set diserahkan kepada Perkim Kapar dan 50 set lagi kepada Sahabat Hospital Selangor selain 500 kilogram beras untuk diedar kepada individu terjejas.

"Alhamdulillah, sumbangan terus diagihkan kepada mangsa-mangsa banjir sekitar Kampung Perepat dan Sementa Klang," kata Mais di Facebook pada 2 Januari.

Pada 30 Disember, Mais menyalur bantuan keperluan asas kepada empat sekolah tahfiz sekitar Kuala Selangor yang terjejas akibat banjir.

Agensi berkata bantuan beras, lapik tidur dan barangan makanan asas juga disalur kepada Akademi Shahadah Tahfiz Al Faizin Banat di Parit Mahang dan Maahad Tarbiah Gontory Banat Bukit Hijau, Jeram.

Turut menerima sumbangan tersebut ialah Maahad Tarbiah Islamiah Al-Ansar di Bestari Jaya dan Maahad Tahfiz Diniah Sungai Gulang-Gulang, Tanjong Karang.

Kerja pembersihan turut dilakukan di Maahad Tarbiah Islamiyah Al Ansar oleh Skuad Prihatin Mais, wakil sukarelawan daripada agensi di bawah Mais terdiri Yayasan Islam Darul Ehsan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa serta Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd.

Turut membantu Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Selangor dan pertubuhan Islam bukan kerajaan yang dianggarkan lebih 50 orang.

WAKTU SOLAT
6 - 12 JANUARI 2022
3 - 9 JAMADILAKHIR 1443

Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
06 Khamis	5:59	6:09	7:20	1:22	4:44	7:19	8:33
07 Jumaat	5:59	6:09	7:21	1:22	4:45	7:19	8:34
08 Sabtu	6:00	6:10	7:21	1:23	4:45	7:20	8:34
09 Ahad	6:00	6:10	7:22	1:23	4:45	7:20	8:34
10 Isnin	6:01	6:11	7:22	1:23	4:46	7:21	8:35
11 Selasa	6:01	6:11	7:22	1:24	4:46	7:21	8:35
12 Rabu	6:02	6:12	7:23	1:24	4:47	7:22	8:36

Klang dan Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
06 Khamis	5:59	6:09	7:20	1:22	4:45	7:20	8:34
07 Jumaat	5:59	6:09	7:20	1:23	4:46	7:20	8:35
08 Sabtu	6:00	6:10	7:20	1:23	4:46	7:21	8:35
09 Ahad	6:00	6:10	7:21	1:24	4:46	7:21	8:35
10 Isnin	6:01	6:11	7:21	1:24	4:47	7:22	8:36
11 Selasa	6:01	6:11	7:22	1:24	4:47	7:22	8:36
12 Rabu	6:02	6:12	7:22	1:25	4:48	7:23	8:36

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
06 Khamis	6:01	6:11	7:21	1:24	4:47	7:20	8:35
07 Jumaat	6:02	6:12	7:21	1:24	4:47	7:21	8:35
08 Sabtu	6:02	6:12	7:22	1:25	4:47	7:21	8:35
09 Ahad	6:03	6:13	7:22	1:25	4:48	7:22	8:36
10 Isnin	6:03	6:13	7:22	1:26	4:48	7:22	8:36
11 Selasa	6:04	6:14	7:23	1:26	4:49	7:23	8:37
12 Rabu	6:04	6:14	7:23	1:27	4:49	7:23	8:37

Amirudin bersama jemaah berdoa ketika program Selangor Memohon Kesejahteraan Allah Menjelang 2022 di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam pada 31 Disember. Foto HAFIZ OTHMAN

Mohon negeri sejahtera

7,000 sertai munajat

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SHAH ALAM - Kira-kira 7,000 jemaah menyertai program Selangor Memohon Kesejahteraan Allah Menjelang Tahun 2022 yang menggantikan sambutan ambang tahun baharu.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata lebih 1,000 orang hadir di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah manakala jumlah selebihnya di masjid-masjid daerah.

Beliau menjelaskan sambutan tahun baharu kali ini dalam suasana berduka berikutan kejadian banjir luar biasa yang melanda Selangor dan beberapa negeri lain.

"Acara ini bukan asing dan setiap tahun ada program begini. Alhamdulillah sambutan sangat baik daripada masyarakat," katanya ketika ditemui di masjid negeri pada 31 Disember.

Program itu dimulakan dengan solat maghrib berjemaah yang dipimpin Imam Besar Masjid Negeri Muhammad Farhan Wijaya sebelum diteruskan solat taubat, awabin, hajat dan bacaan yasin.

Program diteruskan dengan bacaan zikir munajat Imam Masjid Negeri Sheikh Abdul Karim Omar. Selain itu, doa khas juga diadakan antaranya doa awal tahun, doa dihindarkan Covid-19 dan bencana termasuk banjir. Acara berakhir dengan solat isyak berjemaah.

Turut hadir, EXCO Hal Ehwal Agama Islam Mohd Zawawi Ahmad Mughni, Mufti Selangor Dato' Dr Anhar Opir, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor Dato' Mohd Shahzihan Ahmad dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Selangor Saipolyazan Mat Yusop.

Sementara itu, orang ramai menganggap keputusan Kerajaan Negeri membatal sambutan tahun baharu dan menggantikannya dengan program keagamaan sebagai langkah tepat.

Guru Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (Kafa) Siti Zaliha Abdul Rani, 52, berkata program itu wajar diteruskan terutama ketika negeri dilanda banjir.

"Program ini bagus. Seharusnya tidak dilakukan ketika waktu bencana sahaja tetapi diteruskan pada bila-bila masa kerana banyak manfaat," katanya.

Guru Kafa Ahmad Ridhauddin Rahmat, 47, pula berharap program sedemikian diberkati-Nya dan doa jemaah dimakbulkan Allah.

"Program ini bagus terutama kita dalam keadaan selepas banjir. Moga setiap doa kita diperkenan Allah dan memberi sinar baharu kepada semua," katanya.

Waris cari bomba, kongsi RM10,000

KUALA LANGAT - Seorang waris mangsa korban banjir berhasrat memberi sebahagian bantuan RM10,000 kepada anggota bomba yang menjumpai mayat bapanya pada 22 Disember.

Hanya mahu dikenali sebagai Tan, beliau menjelaskan keputusan tersebut dipersetujui ahli keluarganya sebagai penghargaan kepada petugas hadapan dalam insiden banjir di Bukit Changgang di sini.

"Kita akan bagi sumbangan kepada anggota bomba yang jumpa ayah. Saya ada tanya polis siapa yang jumpa dan kami perlu cari kerana anggota itu difahamkan dari Melaka," katanya pada 4 Januari.

Mengimbau tragedi berkenaan, Tan berkata mereka sekeluarga tidak menyedari bapa mereka ke kebun bunga yang diusahakan bersama rakan.

"Kami termasuk ayah tinggal di Kuala Lumpur. Kalau tahu dia ke kebun memang (kami) tidak benarkan," katanya.

Terdahulu, hampir 700 keluarga yang terjejas banjir di Kuala Langat dan Sepang menerima Bantuan Selangor Bangkit yang diserahkan EXCO Pembangunan Luar Bandar Borhan Aman Shah.

Bantu bersih lebih 3,000 rumah

SHAH ALAM - Sebanyak 3,403 rumah yang terjejas banjir sejak 18 Disember melibatkan 71 lokasi banjir dibersihkan sukarelawan Team Selangor setakat 1 Januari.

Ketua Sekretariatnya Syahaizel Keman berkata lebih 1,200 sukarelawan membersih rumah, mengagih air minuman dan membungkus serta menghantar bakul makanan .

"Setakat ini, semua sukarelawan masih bergerak ke lokasi terlibat dengan banjir untuk membantu mangsa. Kita berusaha bantu sebanyak mungkin mangsa yang terkesan akibat banjir.

"Namun, keutamaan kita diberikan kepada golongan ibu tunggal, warga emas dan yang kurang berkemampuan," katanya pada 1 Januari.

Individu yang berminat menjadi sukarelawan Team Selangor boleh mendaftar di bit.ly/SkuadBencanaTeamSelangor atau sebarang pertanyaan boleh hubungi 013-530 3578.

Warga Australia sertai sukarelawan

SHAH ALAM - Lelaki warganegara Australia David Taylor berusia 65 tahun antara sukarelawan yang membantu mangsa banjir.

Ketua Sekretariat Team Selangor Syahaizel Keman berkata faktor usia bukan halangan untuk David melakukan kerja sukarelawan bersama isterinya.

"Pada awalnya, isteri David mengikuti proses pembersihan di Padang Jawa. Kesokannya David mengikuti isteri menyertai operasi pembersihan di Hulu Langat.

"Saya ada bertemu dengannya sekali di Hulu Langat. Beliau memang berminat dengan kerja sukarelawan," katanya pada 2 Januari.

Syahaizel menambah Team Selangor menghargai masa dan tenaga sukarelawan sepanjang proses pembersihan di beberapa lokasi terjejas.

Urus sisa domestik, elak kencing tikus

PUTRAJAYA - Orang ramai yang terkesan banjir diminta mengurus sampah domestik dengan sempurna bagi mengelakkan penyakit yang berpunca daripada kencing tikus.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Datuk Seri Mohammad Hamdan Wahid berkata orang ramai juga perlu membuang sampah dengan lebih kerap supaya sampah tidak hanyut dibawa arus apabila banjir berulang.

"Ini kerana orang ramai perlu bersiap siaga untuk menghadapi gelombang banjir kedua dan apabila bencana itu berlaku, ia akan menjejaskan sampah-sampah yang disimpan di dalam rumah serta munculnya penyakit lain berkaitan banjir," katanya. – BERNAMA

Ganding bahu ringan beban

SHAH ALAM - Banjir yang melanda negeri ini menyaksikan kerjasama erat penjawat awam dan sukarelawan dalam meringankan beban mangsa meskipun berdepan pelbagai cabaran.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan situasi tersebut menunjukkan kekuatan sebenar rakyat Malaysia yang merentasi perbezaan kaum.

"Kita menyaksikan kerjasama para penjawat awam bersama sukarelawan membantu mangsa banjir walaupun berhadapan pelbagai geruh yang tidak diduga.

"Pastinya ketika semangat memuncak mahu membantu, ada khilaf tertentu. Namun kita sedar, semua yang terlibat mahu segera menyelamatkan dan membantu mangsa," katanya dalam perutusan tahun baharu 2022.

Amirudin berkata seramai 2,500 sukarelawan naungan Kerajaan Negeri seperti Sukarelawan Selangor (SERVE) dan Team Selangor membantu proses pembersihan pascabanjir.

Hujan lebat luar biasa antara 17 hingga 19 Disember lalu mengakibatkan banyak lokasi di negeri ini diteng-gelami air.

Kerajaan Negeri pada 21 Disember mengumumkan dana RM100 juta bagi permulaan program Selangor Bangkit.

Peruntukan itu meliputi pemulihan infrastruktur, bantuan RM10,000 kepada keluarga mangsa banjir yang terkorban dan RM1,000 kepada ketua isi rumah bagi membaik pulih semula kediaman.

Bantu mulakan hidup baharu

Negeri percepat agih sumbangan

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Kebajikan mangsa banjir negeri ini diurus sebaik mungkin bagi meringankan beban mereka untuk memulakan kehidupan baharu pascabencana.

EXCO Pembangunan Luar Bandar Borhan Aman Shah berkata bantuan meliputi aspek keselamatan, perubatan, baik pulih kediaman, pembersihan dan kewangan.

Beliau menjelaskan Bantuan Selangor Bangkit (BSB) diagih segera kepada mangsa banjir berikutan sesi persekolahan dibuka pada 10 Januari.

"Tidak lama lagi kita akan sambut puasa dan Hari Raya Aidilfitri pula, jadi banyak perkara yang kita kena bantu," katanya pada 4 Januari.

Borhan menambah proses permohonan bantuan juga dipermudah dengan mangsa hanya perlu mendapat pengesahan daripada ketua kampung atau wakil rakyat.

Seramai 8,219 keluarga terjejas banjir di negeri ini memperoleh bantuan RM1,000 melalui BSB dengan kos keseluruhan RM8.239 juta setakat 4 Januari.

Sebelum ini, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memaklumkan sumbangan itu akan turut diagih dari rumah ke rumah bagi memudahkan mangsa.

Pada 21 Disember, Kerajaan Negeri mengumumkan dana RM100 juta bagi permulaan program Selangor Bangkit susulan insiden banjir di beberapa daerah dua minggu lalu.

Selain pemulihan infrastruktur, peruntukan itu meliputi bantuan RM10,000 kepada keluarga mangsa banjir yang terkorban dan RM1,000 kepada ketua isi rumah bagi membaik pulih semula kediaman.

Individu yang layak menerima bantuan melibatkan tiga kategori iaitu mangsa yang berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS) berwarta, swasta serta mereka yang kekal di rumah.

Bas percuma lancar pergerakan

SHAH ALAM - Laluan sementara Bas Smart Selangor di sekitar Taman Sri Muda di sini membantu melancarkan pergerakan orang ramai di lokasi terjejas banjir.

EXCO Pengangkutan Ng Sze Han berkata kemudahan disediakan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyenangkan penduduk taman berkenaan yang padat dengan penduduk, apatah lagi kawasan terjejas luas.

"Inisiatif ini supaya mereka mudah untuk keluar masuk, ramai yang terjejas akibat kerosakan kenderaan," katanya pada 2 Januari.

Beliau menjelaskan Kerajaan Selangor akan meneliti sambutan orang ramai terhadap perkhidmatan laluan sementara itu sebelum memutuskan tempoh operasinya.

Laluan sementara sejak 1 Januari bermula di Hab Sri Muda diikuti Balai Polis Sri Muda, Hentian Jalan Hasrat, Pasaraya NSK, Petron Sri Muda, Pangsapuri Andorra dan berakhir di Hab Sri Muda.

Perkhidmatan itu beroperasi antara jam 6 pagi hingga 10 malam dengan kekerapan sejam.

Sementara itu, penduduk berharap laluan sementara diperluas bagi memanfaatkan lebih ramai mangsa banjir di situ.

Penduduk N Ramamoorthy, 49, berkata ramai penduduk sukar bergerak berikutan kenderaan mereka rosak teruk akibat banjir luar biasa pada 18 Disember.

"Kemudahan ini memang bagus. Cuma kalau boleh perluaskan lagi kawasan. Lagi banyak kawasan dilalui lebih ramai dapat manfaat," katanya pada 2 Januari.

Warga Indonesia Timaneh Ibnu, 48, pula menjelaskan perkhidmatan bas berkenaan mengurangkan beban penduduk yang terjejas banjir.

"Macam-macam dilakukan pihak berkuasa untuk beri keselesaan kepada penduduk. Mungkin ini (perkhidmatan bas) nampak kecil tetapi bermakna buat kami," katanya.

Pekerja The Pickers Bundle menyusun pakaian terpakai untuk dilelong dengan harga serendah RM1 di Taman Sri Muda, Shah Alam pada 1 Januari. Foto REMY ARIFIN

Walau pengusaha rugi RM1.5 juta akibat banjir

Sedekah pakaian buat mangsa bah

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

SHAH ALAM - Biarpun mendakwa kerugian RM1.5 juta ekoran banjir, pengusaha pakaian terpakai di Taman Sri Muda tetap meneruskan niat membantu mangsa terjejas.

Muhammad Jafri Abdul Manaf, 40, menyumbang timbunan pakaian terpakai yang masih elok dengan sedikit kesan kotor terhadap penduduk ditimpa musibah dua minggu lalu.

Mengusahakan perniagaan `The Pickers Bundle' lebih sedekad, beliau berkata inisiatif itu bagi meringankan beban penduduk yang hilang banyak harta benda sekali gus mengelak pembaziran.

"Daripada buang, lebih baik sedekah sebab ramai mangsa tidak sempat selamatkan pakaian semasa kejadian. Mereka boleh ambil percuma di depan kedai. Semuanya dalam keadaan baik, cuma kotor sebab banjir.

"Memang saya rugi besar tetapi saya percaya aturan Allah. Dia akan permudahkan urusan jika kita ikhlas bantu orang lain," katanya yang turut melelong pakaian tertentu serendah RM1.

Enggan menoleh ke belakang, bapa tiga anak itu menganggap tragedi pada 18 Disember sebagai titik permulaan untuk bangkit dalam perniagaan berbekal dorongan keluarga dan kawan-kawan.

Pengusaha kedai alat ganti kereta yang hanya mahu disapa sebagai Lim pula terpaksa menjual perkakas dalam premis tersebut dengan harga 20 peratus lebih murah berbanding pasaran bagi mengelak kerugian.

"Kejadian yang berlaku benar-benar menjejaskan perniagaan kami kerana banyak peralatan terkena air banjir.

"Semua peralatan seperti mesin pemampat udara, gegelung penyejuk dan penapis, kondenser masih dalam keadaan baik, namun kebanyakannya tiada kotak sebab terkena air banjir," katanya yang mendakwa kerugian dianggar RM100,000.

Hujan lebat luar biasa antara 17 hingga 19 Disember lalu, lebih dua kali ganda taburan tertinggi sebelum ini iaitu kira-kira 180 milimeter, mengakibat banyak lokasi di negeri ini ditenggelami air.

30 aduan termasuk kes dera anak

SHAH ALAM - Sebanyak 30 aduan termasuk kes dera dan keganasan rumah tangga diterima menerusi talian SELamat dalam tempoh banjir dan pascabanjir setakat 30 Disember.

Tanpa memperinci kes, Ketua Pegawai Eksekutif Wanita Berdaya Selangor (WBS) Siti Kamariah Ahmad Subki menjelaskan panggilan membabitkan kes dera diterima daripada jiran mangsa.

"Ada kes kanak-kanak melarikan diri ketika banjir kerana didera bapa. Bagi kes penderaan, ia dirujuk kepada Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC).

"Ada juga kes tertekan akibat banjir dan kes ini telah pun diselamatkan," katanya sambil menambah kes keganasan rumah tangga juga ada diterima.

Dibangunkan untuk aduan keganasan rumah tangga, talian SELamat beroperasi 24 jam sejak 3 November menerusi talian 03-6419 5027 yang dikendalikan kakitangan Wanita Berdaya Selangor dan sukarelawan terlatih.

Pada 9 Jun 2021, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengumumkan dana RM100,000 untuk membangunkan talian tersebut, sebahagian inisiatif Pakej Kita Selangor 2.0.

SIDANG PENGARANG

Penasihat
Lembaga Penasihat Editorial

Pengarang kumpulan:
Fathi Aris Omar
fathi@mediaselangor.com

KETUA JABATAN

Edisi Mandarin:
Seh Pei Sun
peisun@mediaselangor.com

Selangor Journal:
Ida Nadirah Ibrahim
ida@mediaselangor.com

Tamil Indru:
Pakiyanathan Anamaly
pakiyanathan@mediaselangor.com

SelangorTV:
Marniza Othman
marniza@mediaselangor.com
Ameen Azizul
ameen@mediaselangor.com

Pemasaran dan Pengiklanan:
Suziana Zulkifli
suziana@mediaselangor.com

Pengedaran:
Adzhar Maludin
adzharmaludin@mediaselangor.com

selangorkini

Ketua pengarang:
Fazallah Pit
fazallah@mediaselangor.com

Penolong pengarang akhbar:
Naeem Raffi
Faridzwan Abdul Ghafar

Penolong pengarang portal:
Afeeqa Afeera Abdul Rasol

Ketua wartawan:
Afix Redzuan

Jurufoto kanan:
Hafiz Othman

Artis grafik kanan:
Azwa Malek

Editorial: **info@mediaselangor.com**
Iklan: **sales@mediaselangor.com**
Pemasaran: **marketing@mediaselangor.com**

MediaSelangor

Media Selangor Sdn Bhd,
Aras 11 Menara Bank Rakyat,
No 1 Jalan Indah 14/8, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor
Tel: **03-5523 4856** Fax: **03-5523 6856**

Khidmat rumah ke rumah

Baik pulih perkakas elektrik percuma

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

SHAH ALAM - Kumpulan khidmat teknikal elektrikal Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Selangor (STDC) membantu membaik pulih 90 peratus barangan elektrik mangsa banjir yang rosak.

Ketua eksekutifnya berkata kerja penyelenggaraan antara 27 Disember hingga 1 Januari meliputi soket alir keluar, suis lampu, kipas, perkakas elektrik mudah alih dan kotak fius agihan.

"Kumpulan bantuan ini mendapat kepercayaan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) untuk bersama membaiki perkakas elektrik penduduk yang rosak di Dewan Azalea, Taman Sri Muda.

"Perkhidmatan percuma turut dijalankan dari rumah ke rumah berdekatan bagi barangan elektronik yang tidak boleh dibawa ke dewan," kata Mohd Asyraf Amin pada 2 Januari.

Beliau turut menubuhkan pasukan sukarelawan terdiri daripada kakitangan dan pelajar bagi membantu mangsa banjir pada pertengahan Disember.

"Sukarelawan ini menjalankan kerja pembersihan, mengemas rumah dan memberi sumbangan barangan kepada mangsa terlibat sekitar Kuala Selangor," katanya.

Khidmat periksa kenderaan rosak

SHAH ALAM - Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Selangor (STDC) menawarkan khidmat nasihat dan pemeriksaan kenderaan mangsa banjir secara percuma.

Ketua Eksekutifnya Mohd Asyraf Amin memaklumkan inisiatif kelolaan Ketua Program Automotif Faizal Azmi bertujuan membantu pemilik kereta dan motosikal mendapat gambaran jelas tahap kerosakan kenderaan.

"Pemeriksaan meliputi tiga skop utama iaitu ruang enjin, ruang penumpang dan kerangka kenderaan, minyak pelincir, kotak gear, cecair, brek, stereng serta unit kawalan elektronik (ECU).

"Bantuan asas servis juga diberikan tetapi barang perlu disediakan oleh pemilik kenderaan," katanya pada 2 Januari.

Beliau berkata sebagai satu-satunya institusi pendidikan kemahiran bawah Kerajaan Selangor yang menumpukan bidang teknikal (TVET), pihaknya sedia menghulur bantuan tenaga dan kepakaran bagi meringankan beban mangsa.

"Kita juga mengalu-alukan pelajar untuk mendalami ilmu kemahiran ini seiring kemajuan bidang TVET," katanya.

Tak menang tangan baiki motor

SHAH ALAM - Pengusaha bengkel motosikal di Taman Sri Muda, Seksyen 25 di sini tidak menang tangan melayani pelanggan untuk membaiki kenderaan yang rosak ekoran banjir.

Meskipun premisnya dalam proses pembersihan, Rahim Sumidin, 46, terpaksa membuka operasi seawal minggu lalu demi memenuhi permintaan tinggi pelanggan.

Katanya, kira-kira 20 hingga 30 unit motosikal pelanggan yang mengalami kerosakan kritikal dibaiki setiap hari menggunakan khidmat tiga mekanik dari 10 pagi hingga 7 malam.

"Sebenarnya ramai pelanggan minta baiki segera sebab motosikal mereka rosak ditenggelami air. Siapa yang hantar dulu, kita buat manakala yang lain kena tunggu sebab mekanik pun empat orang termasuk saya," katanya.

Mula mengusahakan bengkel sejak 2007, Rahim berkata banjir pada 18 Disember merosakkan hampir keseluruhan alat ganti motosikal termasuk perkakas pejabat bernilai RM60,000.

"Kejadian kali ini yang terburuk sehingga melimpah ke tingkat satu kedai. Sebelum ini pernah berlaku pada 1996 tetapi air takat paras kaki, sama sekali tidak memusnahkan alat ganti motosikal.

"Saya terpaksa beli stok alat ganti baharu kerana kebanyakannya rosak dan perlu dibuang. Alat ganti yang elok pula dicuci sebelum dijual kepada pelanggan dengan harga lebih murah," katanya.

Pengusaha dobi layan diri Suhaila Sepian, 46, pula berkata bencana dua minggu lalu merosakkan lapan unit mesin basuh termasuk tangki dan pam air membabitkan kerugian lebih RM200,000.

Menyifatkannya igauan ngeri, ibu empat anak itu tidak menyangka perniagaan sejak tujuh tahun lalu terpaksa ditutup sepenuhnya berikutan kekurangan modal.

"Semua peralatan sudah tidak boleh guna. Saya dan suami memutuskan untuk hentikan perniagaan ini. Mungkin ada rezeki lain kemudian hari, sama ada cepat atau lambat.

"Barang di kedai akan dihantar ke pusat pelupusan dan kedai pula perlu dibersihkan untuk diserahkan semula kepada pemilik asal," katanya sebak.

Bertunang sebelum rumah dilanda banjir

KUALA LANGAT - Seorang wanita Orang Asli sempat disarungkan cincin pertunangan sebelum kawasan rumahnya di Kampung Orang Asli Bukit Tadom di sini dilanda banjir pada 18 Disember.

Nurul Suziana Poja, 34, dan pasangannya sedang bergambar di pelamin sebelum limpahan air deras masuk ke rumah hingga paras lutut kira-kira jam 4.30 petang.

"Kalau ikutkan sedih pun ada, namun reda dengan ketentuan tuhan dan anggap ia sebagai kenangan buat kami kerana bertunang dalam banjir," katanya yang menetap di kampung itu lebih 20 tahun lalu.

Anak sulung daripada tiga beradik yang merancang perkahwinan pada 8 Januari belum memutuskan sama ada meneruskan majlis itu atau sebaliknya.

Nurul Suziana antara mangsa bencana menerima bantuan kelengkapan rumah antaranya dapur gas dan bantal.

Sumbangan disampaikan EXCO Pembangunan Luar Bandar dan Kampung Tradisi Borhan Aman Shah pada 31 Disember.

Dua lagi diramal pada 18 dan 31 Januari

Air pasang tiga kali hingga Februari

KUALA LUMPUR - Tiga fenomena air pasang besar diramal berlaku di negara ini bermula awal bulan ini hingga awal bulan depan.

Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Ir Azmi Ibrahim berkata ia bermula pada 2 hingga 5 Januari, diikuti 18 hingga 21 Januari dan 31 Januari hingga 3 Februari.

Beliau berkata paras air laut yang tinggi sekali gus menjadi faktor berlakunya banjir air pasang besar.

"(Air pasang besar) memang akan menenggelami kawasan-kawasan yang rendah sekiranya tidak diberi perlindungan," katanya pada 3 Januari.

Beliau berkata antara perlindungan yang biasa dilakukan adalah membangunkan penghadang di sepanjang pantai bagi mengelak air pasang besar yang akan menyebabkan banjir di kawasan pesisiran pantai.

"Keadaan lebih buruk jika air sungai itu tinggi disebabkan hujan le-bat, jadi air sungai tidak dapat mengalir ke laut dan bertembung dengan air laut yang tinggi, menyebabkan berlakunya pertembungan yang boleh menyebabkan banjir," katanya. – BERNAMA

40 mangsa bah Kuala Langat masih di PPS

KUALA LANGAT - Seramai 40 mangsa banjir di daerah ini masih ditempatkan di dua pusat pemindahan sementara (PPS) setakat 4 Januari.

Wakil rakyat Morib Hasnul Baharuddin berkata mangsa dari 12 keluarga itu ditempatkan di Balai Raya Kampung Banting dan Dewan Orang Ramai Kampung Kelanang.

"Hujan lebat dan faktor fenomena air pasang menyebabkan kediaman di Kampung Sungai Nangka dan Kampung Kelanang dinaiki air tetapi tidak tinggi seperti sebelum ini.

"Kita mengambil beberapa tindakan antaranya menyediakan pam bagi menyedut air untuk mengurangkan limpahan ke kediaman penduduk," katanya selepas meninjau mangsa banjir di dua PPS tersebut.

PELANCARAN BARU
Fasa 2 Dibuka Untuk Jualan

Kunjungi Rumah Contoh
BANDAR SERI COALFIELDS

BANDAR SERI COALFIELDS
03 6184 3888
013 673 3030
klkland.com.my
KLK LAND
Subsidiary of Kuala Lumpur Kepong Berhad

Pemaju: KL-Kepong Country Homes Sdn Bhd (261277-W) • Alamat: Suite 1A-1, Level 1, Menara KLK, No 1 Jalan PJU 7/6, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan Tel: 03-77261868 • No. Lesen Pemaju: 11412-9/01-2023/83(L) • Tempoh Sah: 28/01/2021 – 27/01/2023 • No. Permit Iklan dan Jualan: 11412-9/01-2023/83(P) • Tempoh Sah: 28/01/2021 – 27/01/2023 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Daerah Kuala Selangor • No. Pelan Bangunan: MDKS 280/4/4/2020-1 • Dijangka Siap: Januari 2023 • Pegangan Tanah: Pegangan Bebas • Bebanan: Tiada • Sekatan Kepentingan: Tiada • Jumlah Unit: Rumah Sesebuah: 28 Unit (Rumah Sesebuah 1-Tingkat - Jenis A: 8, Jenis B: 7 & Jenis C: 7); Rumah Sesebuah 2-Tingkat (Jenis E: 3 & Jenis F: 3)) • Jenis Hartanah: Rumah Sesebuah • Harga Jualan Yang Diluluskan: Rumah Sesebuah 1-Tingkat (Jenis A: RM2,017,890.00 (Min) – RM2,216,340.00 (Maks), Jenis B: RM1,993,740.00 (Min) – RM2,535,540.00 (Maks), Jenis C: RM2,011,590.00 (Min) – RM2,321,340.00 (Maks)) & Rumah Sesebuah 2-Tingkat: (Jenis E: RM2,354,940.00 (Min) – RM2,834,790.00 (Maks), Jenis F: RM2,369,640.00 (Min) – RM2,728,740.00 (Maks) • Diskaun Bumiputera: 7%

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

133 insiden tanah runtuh

KUALA LUMPUR - Tujuh lagi kejadian tanah runtuh dilaporkan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) setakat 31 Disember menjadikan keseluruhan 133 insiden tersebut berlaku sepanjang Monsun Timur Laut (MTL) 2021.

Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) memaklumkan pertambahan itu menjadikan keseluruhan insiden tanah runtuh yang berlaku di Selangor adalah 55 kes, Pahang (42), Negeri Sembilan (17), Kuala Lumpur (lapan), Sarawak (enam), Terengganu (tiga), Melaka dan Sabah masing-masing satu.

Agensi itu memaklumkan Bilik Gerakan Bencana Jabatan Kerja Raya melaporkan kejadian bencana di 52 lokasi melibatkan cerun runtuh, jalan runtuh, jalan mendap, jambatan rosak atau runtuh.

"Terdapat 46 lokasi tanah runtuh seluruh Malaysia yang sedang diambil tindakan baik pulih oleh pihak Jabatan Kerja Raya," menurut kenyataan itu pada 31 Disember. – BERNAMA

Bersih jalan selesai dalam enam minggu

HULU LANGAT - Kerja pembersihan 42 kawasan tanah runtuh di sepanjang Jalan Genting Peras-Kuala Klawang dijangka mengambil masa enam minggu untuk diselesaikan.

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Datuk Wan Ahmad Uzir Wan Sulaiman berkata kerja membaiki dan mengukuhkan cerun akan dilaksanakan selepas proses itu selesai.

Tambahnya, laluan yang menghubungkan daerah ini dengan Kuala Klawang, Jelebu, Negeri Sembilan terpaksa ditutup sementara sehingga ke satu tarikh yang tidak dipastikan lagi.

"Kita perlu pastikan kesemua cerun-cerun di laluan itu dibaiki serta dikukuhkan dan dipastikan benar-benar selamat sebelum dibuka semula untuk kenderaan," katanya seperti dilapor Berita Harian pada 2 Januari.

Siasat kes air keruh di empangan

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) bertindak segera menyiasat masalah air keruh di Empangan Klang Gates di Gombak yang dipercayai berpunca akibat projek pembangunan struktur keluli Tenaga Nasional Berhad di Hutan Simpan Hulu Gombak.

Pihak berkuasa tempatan memaklumkan pihaknya bersama Lembaga Urus Air Selangor (Luas), Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dan Jabatan Perhutanan negeri turun ke lokasi pada 3 Januari.

"Berdasarkan lawatan dan pemerhatian, pelbagai perkara telah dikenal pasti dan penyelesaian strategik dibincangkan bersama Luas, Air Selangor serta Jabatan Perhutanan negeri bagi menangan isu berkenaan," katanya pada 4 Januari.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari meninjau lokasi tanah runtuh di Apartmen Teratai, Bandar Baru Selayang, Gombak pada 30 Disember. Foto HAFIZ OTHMAN

Pulih tebing ambil masa dua bulan

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

SHAH ALAM - Kerja pemulihan kekal tebing di Apartment Teratai, Bandar Baru Selayang yang runtuh akibat hujan lebat baru-baru ini dijangka mengambil masa dua bulan untuk siap.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Gombak Nor Azlina Abdul Aziz berkata Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dalam proses melantik kontraktor untuk pelaksanaan kerja tersebut.

"MPS memasang kanvas di tebing terjejas sebagai langkah pemulihan awal sementara menunggu kerja pembaikan kekal dilaksanakan bagi memastikan pangsapuri berkenaan lebih selamat.

"Apabila kerja berkaitan siap, jawatankuasa pengurusan bersama akan lihat sama ada masih berlaku pergerakan (tebing). Jika semua dalam keadaan baik, penduduk boleh kembali ke rumah masing-masing," katanya pada 3 Januari.

Beliau memaklumkan seramai 12 keluarga apartment itu masih berada di pusat pemindahan sementara (PPS) Dewan Sri Siantan, Gombak dengan diberi bekalan makanan dan kemudahan lengkap setakat 2 Januari.

"Baru-baru ini, Kerajaan Negeri turut bersetuju memberi bantuan RM1,000 melalui Bantuan Selangor Bangkit kepada penghuni yang terpaksa mengosongkan kediaman berikutan insiden itu.

"Maka, terpulang kepada mereka sama ada mahu guna bantuan tersebut untuk cari tempat lain atau kekal di PPS, asalkan tidak kembali ke kediaman asal buat masa ini," katanya.

Apartment Teratai antara enam lokasi bawah pentadbiran MPS yang kritikal dan perlu pembaikan segera susulan tebing runtuh selepas hujan lebat pada 18 Disember lalu.

JKR, ATM baiki jambatan

SHAH ALAM - EXCO infrastruktur dan kemudahan awam menghargai jasa pasukan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang menyiapkan jambatan mudah alih di Jalan Sungai Lui, Hulu Langat pada 2 Januari.

"Alhamdulillah, pemasangan semua komponen Jambatan Bailey (mudah alih) di Jalan Sungai Lui, Hulu Langat telah disiapkan oleh JKR Petaling dalam tempoh 24 jam dengan dibantu ATM.

"Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam kerja pemasangan ini. Insya-Allah, saya akan maklum perkembangan kerja pembaikan infrastruktur dari semasa ke semasa," kata Ir Izham Hashim pada 3 Januari.

Pembinaan jambatan sementara sepanjang 18.24 meter dan lebar 7.35 meter itu bagi membantu 12 keluarga yang terputus dengan laluan utama selepas jambatan ke kediaman mereka yang merentasi Sungai Langat runtuh akibat banjir.

AMARAN RISIKO Tanah Runtuh

HUJAN lebat bukan hanya menyebabkan banjir tetapi turut menghakis cerun dan menjadi punca tanah runtuh yang mengancam nyawa serta kehilangan harta benda.
Setakat 26 Disember 2021, Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) mengesan 46 kejadian tanah runtuh di Selangor dan Kuala Lumpur susulan monsun Timur Laut.
Daripada jumlah itu, 24 lokasi di Selangor dan Kuala Lumpur dikategorikan kritikal.
Wartawan AMIN RIDZUAN ISHAK menyusun lokasi kritikal dan panduan mengenal pasti tanda awal tanah runtuh.

Lokasi cerun kritikal
setakat 19 Disember

1 Lorong Dato' Mufti 10, Kampung Dato' Mufti, Ampang Jaya
2 Pangsapuri Intan, Taman Bukit Permai, Ampang Jaya
3 Sekolah Kebangsaan Taman Segar, Cheras, Kuala Lumpur
4 Jalan Sungai Samak, Kampung Dusun, Gombak
5 Kampung Dusun, Gombak
6 Jalan SM1A, Taman Sunway, Gombak
7 Jalan Wangsa 2/10, Taman Wangsa Cheras, Kajang
8 Jalan Batang Kali-Ulu Yam, Hulu Selangor
9 Pangsapuri Sri Cempaka, Hulu Selangor
10 Jalan Pinggiran Putra, Sepang
11 Institut Pendidikan Guru, Bangi, Kajang
12 Taman Bukit Jaya, Bukit Antarabangsa, Ampang Jaya
13 Jalan Wangsa 3, Bukit Antarabangsa, Ampang Jaya
14 Taman Segambut SPPK, Kuala Lumpur
15 Apartmen Teratai, Bukit Sentosa, Hulu Selangor



Lokasi kritikal tanah runtuh
setakat 26 Disember

16 Taman Nusa Subang, Shah Alam
17 Apartmen Teratai, Bandar Baru Selayang, Gombak
18 Jalan Bunga Anggerik, Hulu Kelang, Gombak
19 Jalan Melati 7, Taman Seri Melati, Gombak
20 Jalan Sepakat, Rawang, Gombak
21 Jalan Saidina Hamzah, Kampung Bukit Sungai Puteh, Ampang Jaya
22 Jalan Haji Abdul Latif, Kapar, Klang
23 Kampung Palimbayan, Sungai Penchala, Kuala Lumpur
24 Seri Duta 1, Taman Duta, Kuala Lumpur

Kenali tanda awal

- Bonjolan permukaan cerun
- Rekahan cerun
- Titisan atau pancuran air
- Takungan air di kaki cerun
- Tanah batuan berselerakan
- Longkang rosak dan tersumbat
- Laluan air tersumbat
- Lantai dan bangunan retak, pintu masuk atau tingkap sukar ditutup
- Pergerakan tanah
- Hakisan galur
- Pagar, tembok penahan, tiang elektrik atau telefon, dan pokok condong
- Bongkah batuan longgar pada cerun batu kapur
- Rekahan membesar pada permukaan tanah atau tanah mendap

Sumber
Twitter JMG Malaysia 19 Disember 2021, 23 Disember 2021 dan 26 Disember 2021

*Semua maklumat, bahan dan data yang disediakan JMG berdasarkan 'sebagai mana adanya' dan 'sebagai mana tersedia'. Jabatan ini tidak bertanggungjawab atas sebarang kehilangan atau kerosakan akibat penggunaan data atau laporan ini

selangorkini
selangorkini.my

2022

MediaSelangor

Januari
4 - Hari Braille Sedunia
24 - Hari Pendidikan Antarabangsa
30 - Hari Kusta Sedunia

Februari
4 - Hari Kanser Sedunia
13 - Hari Radio Sedunia
20 - Hari Keadilan Sosial Sedunia
21 - Hari Bahasa Ibunda Antarabangsa

Mac
3 - Hari Hidupan Liar Sedunia
8 - Hari Wanita Antarabangsa
10 - Hari Buah Pinggang Sedunia
15 - Hari Hak Pengguna Sedunia
20 - Hari Kebahagiaan Antarabangsa
21 - Hari Puisi Sedunia
21 - Hari Hutan Antarabangsa
21 - Hari Antarabangsa untuk Penghapusan Diskriminasi Kaum
21 - Hari Sindrom Down Sedunia
22 - Hari Air Sedunia
23 - Hari Meteorologi Sedunia
24 - Hari Batuk Kering Sedunia

April
2 - Hari Kesedaran Autisme Sedunia
7 - Hari Kesihatan Sedunia
21 - Hari Kreativiti dan Inovasi Sedunia
22 - Hari Bumi
23 - Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia
25 - Hari Malaria Sedunia
26 - Hari Harta Intelek Sedunia
28 - Hari Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja
29 - Hari Tarian Antarabangsa
30 - Hari Jazz Antarabangsa

Mei
1 - Hari Ketawa Sedunia
3 - Hari Kebebasan Akhbar Sedunia
8 - Hari Ibu
14 - Hari Burung Penghijrah Sedunia
15 - Hari Keluarga Antarabangsa
17 - Hari Telekomunikasi
21 - Hari Teh Antarabangsa
21 - Hari Kepelbagaian Budaya untuk Dialog Sedunia
22 - Hari Kepelbagaian Hayat Antarabangsa
31 - Hari Tanpa Tembakau Sedunia

Jun
3 - Hari Basikal Sedunia
5 - Hari Alam Sekitar
7 - Hari Keselamatan Makanan Sedunia
8 - Hari Lautan Sedunia
14 - Hari Penderma Darah Sedunia
19 - Hari Bapa
20 - Hari Pelarian Sedunia
23 - Hari Ibu Tunggal Antarabangsa
26 - Hari Bantah Penyalahgunaan Dadah
26 - Hari Menyokong Mangsa Seksaan

Julai
7 - Hari Koperasi Dunia
11 - Hari Penduduk Sedunia
18 - Hari Nelson Mandela
20 - Hari Catur Sedunia
25 - Hari Pencegahan Lemas Sedunia
28 - Hari Hepatitis Sedunia
29 - Hari Harimau Antarabangsa
30 - Hari Persahabatan Antarabangsa

Ogos
9 - Hari Antarabangsa Orang Asal Sedunia
12 - Hari Belia Antarabangsa
13 - Hari Tangan Kidal Antarabangsa
19 - Hari Kemanusiaan Sedunia
29 - Hari Membantah Ujian Nuklear

September
8 - Hari Celik Huruf Antarabangsa
10 - Hari Mencegah Bunuh Diri Sedunia
15 - Hari Demokrasi Antarabangsa
16 - Hari Pemuliharaan Lapisan Ozon
21 - Hari Keamanan Antarabangsa
21 - Hari Tanpa Pencemaran Bahan Api
22 - Hari Tanpa Kereta
23 - Hari Bahasa Isyarat Antarabangsa
25 - Hari Sungai Sedunia
27 - Hari Pelancongan Sedunia
27 - Hari Maritim Sedunia
29 - Hari Kesedaran Antarabangsa Mengenai Pembaziran Makanan
29 - Hari Jantung Sedunia

Oktober
1 - Hari Kopi Sedunia
2 - Hari Tanpa Keganasan
5 - Hari Guru Sedunia
9 - Hari Pos Sedunia
10 - Hari Kesihatan Mental Sedunia
15 - Hari Antarabangsa Wanita Luar Bandar
16 - Hari Makanan Sedunia
17 - Hari Pembasmian Kemiskinan Antarabangsa
24 - Hari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

November
5 - Hari Kesedaran Tsunami Sedunia
12 - Hari Radang Paru-Paru Sedunia
14 - Hari Diabetes Sedunia
16 - Hari Toleransi Antarabangsa
17 - Hari Falsafah Sedunia
19 - Hari Tandas Sedunia
19 - Hari Lelaki Sedunia
20 - Hari Kanak-Kanak Sedunia
20 - Hari Peringatan Sedunia untuk Mangsa Nahas Jalan Raya
21 - Hari Televisyen Sedunia
25 - Hari Penghapusan Keganasan Terhadap Wanita
29 - Hari Solidariti Bersama Warga Palestin

Disember
1 - Hari AIDS Sedunia
3 - Hari Orang Kurang Upaya Antarabangsa
7 - Hari Antarabangsa Penerbangan Awam
9 - Hari Menentang Rasuah Antarabangsa
10 - Hari Hak Asasi Manusia
11 - Hari Gunung Antarabangsa
18 - Hari Pendatang Antarabangsa
20 - Hari Solidariti Kemanusiaan Antarabangsa

JANUARI

A	I	S	R	K	J	S
30	31					1
2	3	4	5	6	7	8
9	10	11	12	13	14	15
16	17	18	19	20	21	22
23	24	25	26	27	28	29

1 - Tahun Baharu
18 - Thaipusam

FEBRUARI

A	I	S	R	K	J	S
		1	2	3	4	5
6	7	8	9	10	11	12
13	14	15	16	17	18	19
20	21	22	23	24	25	26
27	28					

1 & 2 - Tahun Baharu Cina
Cuti persekolahan

MAC

A	I	S	R	K	J	S
		1	2	3	4	5
6	7	8	9	10	11	12
13	14	15	16	17	18	19
20	21	22	23	24	25	26
27	28	29	30	31		

Cuti persekolahan

APRIL

A	I	S	R	K	J	S
					1	2
3	4	5	6	7	8	9
10	11	12	13	14	15	16
17	18	19	20	21	22	23
24	25	26	27	28	29	30

* 3 - Awal Ramadhan
19 - Nuzul Al-Quran

MEI

A	I	S	R	K	J	S
1	2	3	4	5	6	7
8	9	10	11	12	13	14
15	16	17	18	19	20	21
22	23	24	25	26	27	28
29	30	31				

1 - Hari Pekerja
15 - Hari Wesak
* 3 & 4 - Hari Raya Aidilfitri

JUN

A	I	S	R	K	J	S
			1	2	3	4
5	6	7	8	9	10	11
12	13	14	15	16	17	18
19	20	21	22	23	24	25
26	27	28	29	30		

Cuti persekolahan
6 - Hari Keputeraan DYMM Yang di-Pertuan Agong

JULAI

A	I	S	R	K	J	S
31					1	2
3	4	5	6	7	8	9
10	11	12	13	14	15	16
17	18	19	20	21	22	23
24	25	26	27	28	29	30

* 10 - Hari Raya Aidiladha
30 - Awal Muharam

OGOS

A	I	S	R	K	J	S
	1	2	3	4	5	6
7	8	9	10	11	12	13
14	15	16	17	18	19	20
21	22	23	24	25	26	27
28	29	30	31			

31 - Hari Kebangsaan

SEPTEMBER

A	I	S	R	K	J	S
				1	2	3
4	5	6	7	8	9	10
11	12	13	14	15	16	17
18	19	20	21	22	23	24
25	26	27	28	29	30	

Cuti persekolahan
16 - Hari Malaysia

OKTOBER

A	I	S	R	K	J	S
30	31					1
2	3	4	5	6	7	8
9	10	11	12	13	14	15
16	17	18	19	20	21	22
23	24	25	26	27	28	29

9 - Maulidur Rasul
24 - Deepavali

NOVEMBER

A	I	S	R	K	J	S
		1	2	3	4	5
6	7	8	9	10	11	12
13	14	15	16	17	18	19
20	21	22	23	24	25	26
27	28	29	30			

DISEMBER

A	I	S	R	K	J	S
				1	2	3
4	5	6	7	8	9	10
11	12	13	14	15	16	17
18	19	20	21	22	23	24
25	26	27	28	29	30	31

Cuti persekolahan
25 - Krismas
11 - Hari Keputeraan DYMM Sultan Selangor

Cuti persekolahan tertakluk perubahan Kementerian Pendidikan Malaysia

Cuti umum nasional dan negeri Selangor

* Perubahan, jika ada, diumum Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja

Angka, indikator penting 2021

SHAH ALAM - Pertumbuhan ekonomi negara sepanjang tahun lepas amat perlahan susulan sekatan perjalanan dan kegiatan ekonomi terhad akibat pandemik Covid-19.

Namun, sektor komoditi dagangan menunjukkan tanda pemulihan berikutan kelonggaran perintah kawalan dan pelaksanaan suntikan vaksin yang meluas. Berikut angka penting yang menjadi indikator prestasi ekonomi pada 2021:

- Bank Negara Malaysia (BNM): Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tumbuh antara 3.0 hingga 4.0 peratus
- inflasi meningkat 3.3 peratus pada November, kenaikan sembilan bulan berturut-turut
- pengangguran menurun kepada kadar terendah sejak April 2020 dengan merekodkan 4.3 peratus pada Oktober 2021
- bilangan tenaga buruh pada Oktober tahun ini meningkat 0.4 peratus kepada 16.26 juta orang berbanding September
- kira-kira 580,000 isi rumah berpendapatan pertengahan 40 peratus (M40) merosot kepada golongan 40 peratus terbawah (B40) akibat pandemik
- kadar kemiskinan mutlak meningkat kepada 8.4 peratus berbanding 5.6 peratus
- Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF): purata gaji eksekutif tahun ini naik 4.40 peratus, gaji bukan eksekutif naik 4.43 peratus
- jumlah pelaburan diluluskan meningkat 51.5 peratus kepada RM177.8 bilion dalam tempoh Januari-September 2021 berbanding RM117.4 bilion dalam tempoh sama tahun sebelumnya
- rizab antarabangsa sebanyak US$116.1 bilion pada akhir Oktober 2021, cukup biayai 8.1 bulan import tertangguh atau bersamaan 1.3 kali hutang luar negeri jangka pendek
- pegangan asing dalam bon Kerajaan Malaysia yang mencatatkan RM231 bilion atau bersamaan 25 peratus daripada jumlah terkumpul bon kerajaan jangka panjang
- RAM Ratings: KDNK tahun 2022 diramalkan meningkat kepada 6.8 peratus berbanding 2021

Peniaga kuih Mohd Hajarul Aswad Johari, 31, (kiri) kembali berniaga di Taman Sri Muda, Shah Alam pada 2 Januari selepas kawasan tersebut ditenggelami banjir. Foto BERNAMA

Pelbagai sektor semakin berkembang

Ekonomi negara diramal pulih

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

EKONOMI Malaysia dijangka pulih selepas menguncup akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penutupan sempadan lantaran pandemik Covid-19.

Gabenor Bank Negara Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus pada 12 November 2021 percaya momentum ekonomi tahun ini bakal didorong pemulihan aktiviti ekonomi, kerancakan pasaran tenaga kerja, penerusan dasar kerajaan yang menyokong ekonomi dan peningkatan permintaan dari luar.

Kadar vaksinasi, pematuhan tatacara operasi piawai (SOP) kesihatan dan kemampuan mengekang rebakan varian Omicron menjadi kunci penting kebangkitan ekonomi Malaysia.

Agensi penarafan kredit RAM Rating Services Bhd (RAM Ratings) menjangka kadar pertumbuhan ekonomi negara 6.8 peratus pada 2022 berbanding kadar sebenar pada 2021 iaitu empat peratus.

Namun, RAM Ratings pada 9 Disember 2021 menegaskan ancaman varian tersebut mungkin melambatkan proses pemulihan tetapi tidak pula merencatkan ekonomi negara secara keseluruhan.

Kementerian Kewangan pula meramal pertumbuhan tahun ini antara 5.5 peratus hingga 6.5 peratus. Peningkatan perdagangan global, harga komoditi yang stabil, pandemik yang terkawal dan peningkatan sentimen peruncitan dan kepenggunaan akan memacu ekonomi.

Usaha memulihkan ekonomi diperkukuh dasar fiskal kerajaan persekutuan yang membentang belanjawan bernilai RM332.1 bilion, jumlah terbesar dalam sejarah negara.

Sebanyak RM233.5 bilion diperuntuk bagi belanja mengurus, RM75.6 bilion untuk pembangunan dan RM23 bilion pula bagi Kumpulan Wang Covid-19 manakala RM2 bilion sebagai simpanan luar jangka.

Di sebalik ruang fiskal yang terhad dengan hutang kerajaan diunjur mencecah RM1.1 trilion atau 65 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2022, perdana menteri memaklumkan Bajet 2022 tidak boleh dikurangkan pada paras minimum.

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menegaskan kerajaan persekutuan mengambil kira semua aspek dan keadaan kewangan negara serta rakyat yang bergelut pandemik Covid-19.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab dalam ehwal ekonomi pula merujuk prestasi sektor minyak dan gas yang memberangsangkan mutakhir ini menyuntik keyakinan bahawa ekonomi negara berada pada landasan tepat untuk bangkit.

Datuk Seri Mustapa Mohamed pada 13 Disember 2021 juga mendapati aktiviti dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan pertanian turut meningkat selain data semasa dalam aspek penawaran termasuk sektor pembuatan, pertanian dan perlombongan menunjukkan bukti peningkatan.

Semua petunjuk memberi indikator kepada pemulihan yang baik pada 2022. Namun, beliau menyuarakan kebimbangan terhadap penutupan sementara sempadan negara yang boleh menyukarkan pemulihan sepenuhnya.

Ketua Unit Penyelidikan Risiko Ekonomi dan Politik Universiti Utara Malaysia pula menjelaskan beberapa perkara memberi prospek ekonomi lebih baik untuk 2022, antaranya Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 dan Rancangan Malaysia Ke-12.

Menurut Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin, pelaksanaan dasar itu mampu mengawal harga barangan lebih tuntas dan boleh mengelakkan kenaikan harga makanan dan keperluan pada masa depan serta tidak mengganggu prospek pemulihan ekonomi.

Beliau juga menyifatkan cadangan Ismail Sabri untuk menghidupkan semula projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura sebagai berita baik untuk ekonomi Malaysia.

Projek bangunan kedua tertinggi di dunia iaitu Menara Merdeka 118 yang dijangka siap tahun depan juga dijangka meningkatkan nilai pelaburan dan sentimen positif pelaburan serta perniagaan di Malaysia.

Anwar menyampaikan bantuan makanan kepada mangsa banjir di Taman Sri Nanding, Hulu Langat pada 25 Disember. Foto Facebook Anwar Ibrahim

Kerajaan dikritik 'lembab'

Gesa sidang khas bahas isu banjir

SHAH ALAM - Pakatan Harapan (HARAPAN) menggesa sidang khas Parlimen diadakan berikutan kritikan orang ramai terhadap reaksi lembab pentadbiran kerajaan persekutuan.

Majlis Presiden HARAPAN berkata orang ramai menerusi media sosial mengkritik jemaah menteri sebagai "lembab" atau dilihat "wayang" tanpa benar-benar membantu mangsa banjir.

"Oleh itu, Majlis Presiden HARAPAN berpendirian bahawa perdana menteri dan anggota jemaah menteri wajib memberi penjelasan penuh dalam satu sidang khas Parlimen khusus berhubung banjir besar ini," menurut kenyataan bersama hari ini.

Kenyataan itu dikeluarkan Presiden Parti Keadilan Rakyat Datuk Seri Anwar Ibrahim, Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng, Presiden Parti Amanah Negara Mohamad Sabu dan Presiden Pertubuhan Kinabalu Progresif Bersatu Datuk Seri Madius Tangau.

"Kesan banjir besar dari segi kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa hampir 50 orang kali ini ketara dan mengguris hati.

"Malah, fenomena ini telah membuka mata kita semua kepada realiti bahawa perubahan iklim dan aktiviti manusia khususnya pembalakan berleluasa dan pembangunan yang tidak mampan akhirnya memberi kesan yang amat negatif buat rakyat," kata kenyataan itu.

Majlis Presiden HARAPAN turut berterima kasih kepada petugas, sukarelawan dan dermawan yang membantu misi menyelamat, membersih dan memulihkan lokasi terjejas banjir sejak 18 Disember.

Sementara itu, Anwar mengulangi gesaan terhadap kerajaan untuk bertindak pantas menyelesaikan masalah yang dihadapi mangsa banjir di negara ini.

Katanya, kerajaan sehingga kini tidak memberi maklum balas terhadap saranannya untuk menangguhkan pelaksanaan projek mega dan menyalur peruntukan tersebut bagi menampung keperluan rakyat terjejas banjir.

"Kerajaan dilihat seolah-olah tidak serius dalam membela dan membantu mangsa-mangsa banjir," katanya.

Pada 27 Disember, Anwar mencadangkan kerajaan supaya menangguhkan semua projek mega dan menggunakan peruntukan besar tersebut bagi menampung keperluan mangsa banjir.

"Tangguh dahulu projek raksasa, ECRL (projek Laluan Rel Pantai Timur), DNB (Digital Nasional Berhad) puluh-puluh bilion, tangguh dan bayar rakyat dahulu," katanya seperti dilapor Utusan Malaysia.

Sepanjang tempoh dua minggu selepas kejadian banjir, Anwar turun padang melawat mangsa banjir dan menyampaikan pelbagai bentuk bantuan termasuk peralatan dapur dan makanan.

Lokasi yang dilawati beliau antaranya Taman Sri Nanding Hulu Langat, Kampung Ismail Ampangan, Seremban dan Bentong, Pahang.

Naikkan bantuan hingga RM10,000

SHAH ALAM - Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa kerajaan persekutuan segera menaikkan nilai bantuan mangsa banjir kepada RM5,000 hingga RM10,000.

Ketua pembangkang itu menegaskan semua mangsa dalam keadaan derita dan terdesak kerana menanggung kerugian besar akibat bencana pada 18 Disember.

"Apabila kerajaan tidak membenarkan pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, maka mereka dengan ini harus berikan bantuan segera antara RM5,000 ke RM10,000 setiap orang mengikut keadaan serta kesan kerugian yang dialami akibat bencana ini.

"Usah tambah beban rakyat dengan kerenah birokrasi yang melampau yang hanya melambatkan proses menyalurkan bantuan," katanya pada 3 Januari.

Kelas fizikal jika 90 peratus divaksin

SHAH ALAM - Pelajar kelas peralihan, tingkatan empat hingga enam dan prauniversiti yang lebih 90 peratus lengkap vaksin perlu hadir bersemuka untuk sesi persekolahan penggal tiga mulai 9 dan 10 Januari.

Kenyataan Kementerian Pendidikan menyebut operasi institusi belum mencapai kadar itu perlu dijalankan secara penggiliran, sama seperti pelajar tingkatan satu hingga tiga.

Murid berkeperluan khas (MBK) di sekolah menengah kebangsaan pendidikan khas, sekolah menengah pendidikan khas vokasional dan program pendidikan khas integrasi pula perlu hadir bersemuka tanpa penggiliran.

MBK di sekolah kebangsaan pendidikan khas dan program pendidikan khas integrasi, prasekolah, tahun satu, dua dan enam serta murid bawah program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) perlu hadir bersemuka tanpa bergilir.

"Murid tahun tiga, empat dan lima pula hadir secara penggiliran," menurut kenyataan pada 31 Disember.

Tangguh umrah elak Omicron

KUALA LUMPUR - Penangguhan sementara aktiviti umrah bagi memperlahankan penularan varian Omicron Covid-19 dalam negara, kata Menteri Kesihatan.

Khairy Jamaluddin berkata hampir 78 peratus 'presumptive' (jangkaan) Omicron baharu adalah daripada jemaah umrah.

"Penilaian risiko terus dilakukan. Buat masa ini Kementerian Kesihatan (KKM) tahu satu dos penggalak diperlukan. Lebih dari itu kita (KKM) kaji dari semasa ke semasa bila data saintifik baharu muncul," katanya pada 2 Januari

Sehari sebelum itu, kerajaan memutuskan untuk menangguhkan sementara kebenaran perjalanan mengerjakan ibadah umrah bermula 8 Januari bagi membendung penularan varian Omicron. – BERNAMA

Bonda alam

Oleh **ADAM TAUFIQ SUHARTO**
Ilustrasi **FAHMI MUSTAFFA**

Matahari terik. Tanah kering. Berita mula melapor kemarau berpanjangan. Suhu terus membahang. Dengan tiba-tiba, sebuah hutan terbakar, dijilat bara. Dengan tidak tiba-tiba juga, anak-anak orang asal lari bergelimpangan, meninggalkan hutan. Burung-burung berterbangan. Kera-kera bertempiaran.

Sekarang, bayangkan muncul sebuah teks (dengan perlahan-lahan) dihadapan babak hutan terbakar tadi: Sayangi Bonda Alam, sebelum anda disumpahnya. Anda mampu mengubahnya.

Seterusnya, bayangkan perlahan-lahan teks itu mengabur lalu menghilang. Pandangan anda (yakni visual) menjadi gelap.

Dengan mengejut lagi mengejutkan, seseorang menjerit: "*Cut!*". Dia rupa-rupanya adalah pengarah bagi produksi pesanan khidmat masyarakat (PSA) tentang pencemaran alam itu.

Kru-kru mula menyimbah air kearah bara yang membakar hutan. Kru-kru teknikal segera mengalihkan kamera Sony A7S III, jentera perakam digunakan syarikat-syarikat produksi iklan komersial dewasa ini. Di sebelah monitor, ada sebuah papan cerita *(story board)* yang terlakar setiap syot; dari tanah kering, hutan terbakar, binatang bertempiaran, anak-anak orang asli berlarian. Semuanya lengkap.

Sang Pengarah yang dari tadi asyik menghisap-hembus curutnya bangun dan melihat setiap kotak bingkai pada papan cerita. Dari kerusi yang tertulis perkataan *'Director'*, Sang Pengarah bangun sambil bercakap dengan kliennya via telefon pintar.

PENGARAH: (kerut dahi) Ya encik...ya...yang babak-bakar tu akan nampak realistik, percayalah, saya ni lulusan Amerika Syarikat. Jangan risau. Apa? Gajah? Tak boleh encik. Gajah mahal. Encik nak yang mahal-mahal, bayar murah-murah, mana boleh... (terdiam seketika). Nanti saya tengok macam mana. (diam seketika) Okay. Kami akan hantar *rough-cut* esok.

Curutnya habis. Dia buang saja ke tanah. Sang Pengarah berjalan ke arah papan cerita. Tertulis tajuk: Video Pesanan Khidmat Masyarakat: Kempen Sayangi Bonda Alam. Dia bercakap dengan pengarah seni yang mata berpinar-pinar tak tidur semalaman.

PENGARAH: Kau dapat tak gajah? Klien nak gajah. Gajah murah-murah sudah.

PENGARAH SENI: Mana nak dapat, bang. Gajah pun dah tak banyak sekarang.

PENGARAH: Tak dapat? Belum cari lagi dah tak dapat? Okay. Kalau macam tu, kau yang jadi gajah! Lepas ni...(tak habis bercakap)

Angin tiba-tiba menguat. Bila Sang Pengarah pandang ke arah awan, dia terlihat awan gelap bergumpalan. Kilat sambar menyambar. Payung-payung berterbangan. Kerusi yang tertulis perkataan '*Director*' juga melayang. Semua berlari bergelimpangan. Petir menyambar hutan, terbakar, dijilat bara.

Ada batang-batang pokok yang jatuh menghempas kru-kru teknikal termasuk kamera Sony A7S III. Sang Pengarah terus berlari. Bunyi guruh makin menggerun.

Tanah dengan tiba-tiba bergegar, terbelah-belah. Gempa itu menyebabkan Sang Pengarah tak dapat berlari, terjatuh. Kilat menyambarnya.

Dia terkejut dan kaget apabila separuh tubuhnya sudah berada di dalam tanah ala-ala babak Salleh Kamil yang tertanam separuh tubuh dalam filem Isi Neraka (1960). Dia terdiam, kemudian perlahan-lahan menjerit sendiri dan berdialog.

PENGARAH: (menjerit dan memandang ke arah langit dengan marah) Hoi Alam! Hoi!!! Berani kau kacau penggambaran aku?! Berani kau ya?! Baik! Aku nak tengok! Aku nak tengok besar mana kuasa kau, Alam! Tunjukkan kuasa kau, Alam!!!! Tunjukanlah!

Guruh berdentum lebih kuat. Bumi bergegar. Api marak keliling Sang Pengarah. Dia jadi cemas, menggelupur.

PENGARAH: (merayu) Alam! Aku minta maaf, Alam! Aku minta maaf! Aduh, Alam!!!!

Kilat menyambar lagi dan seterusnya menyambar ke arah Sang Pengarah. Setelah itu, bunyi guruh perlahan-lahan menghilang. Langit perlahan-perlahan menjadi cerah, matahari bersinar.

Sang Pengarah yang terperakap separuh tubuh di tanah tadi telah bertukar atau disumpah menjadi sebatang pohon kecil. Keadaan kembali aman, dan langit mulai cerah.

Visual perlahan-lahan menggelap.

Secara perlahan-lahan muncul teks: Sayangi Bonda Alam, sebelum anda disumpahnya. Sekali lagi, anda boleh mengubahnya.

Secara tiba tiba seseorang menjerit:

"...and Cut!"

Skrin menjadi gelap. Tamat.



Suatu malam rawak

sisa debu usia
yang kasar menompokkan
semusim duka setia menandai
retak nyawa, bergetar
perlahan dalam pusaran
mengemaraukan liurnya
memaraukan syahadahnya
telahpun sepi. tahulah kami
lenanya abadi

seharusnya embun
terbenih menjadi
tengkujuh di dada
tetapi cuaca ringkas
dengan bayu selembut bayi
resah terdesah esak terserak
dalam frekuensi dan biru yang asing. tuhan
mampukah dakapan berbentuk ku
menghimpunkan apa-apa? kerana hanya itu
yang kumengerti tentang hampir. tuhan
telah kufasihi setiap huruf air; lemas dalam
untuk hidup semula dari setasik kalimatnya
tetapi kali akhir, tiada bumi dan tanah
tiada hujan tiada bah tiada darah
yang menyanggupi hakikat basah
tinggal kaku dan kelu melata
segala makna kembali ke sebelum bahasa

dalam keringat malam
seribu mimpi mendidih
yang tak melarut
satu-satunya:

kesedaranku.

Meor Izzat Mohamad

> Hasilnya, jenama Shimaz Tumisan Bonda kini diiktiraf antara jualan tertinggi di Shopee pada 2021

Menumis kejayaan dalam e-dagang

Oleh **NAZLI IBRAHIM**
Foto **AHMAD ZAKKI JILAN**

Termangu-mangu Hashima Hassan, 42 melihat angka hutang pelanggan. Hampir mencecah RM50,000. Malah, ada kalangan penghutang telah pun gulung tikar.

Fikirannya berserabut. Kekurangan modal pusingan gara-gara hutang lapuk menyebabkan perniagaannya sukar meneruskan operasi.

"Bagaimana hendak kutip hutang orang yang muflis?" Usahawan pes tumis itu kebingungan saat dihimpit masalah pada 2018 ketika baru dua tahun berniaga.

Hashima menggagahkan diri mengutip hutang. Cuma sebahagian kecil dapat dipungut. Terlintas juga untuk berhenti niaga. Namun, sangkaan itu dibuangnya jauh-jauh berkat sokongan ahli keluarga.

Hasilnya, jenama Shimaz Tumisan Bonda kini diiktiraf antara jualan tertinggi di Shopee pada 2021. Produk tanpa pengawet itu juga dipasarkan di pasar raya Segi Fresh dan Kohijrah.

Selain itu, Hashimah juga mengenal pasti kesilapannya. Lantaran mentah dalam selok-belok perniagaan, ibu empat anak itu mudah lembut hati memberi hutang. Kerenah beberapa restoran dan penjual yang hutang mereka berpukal-pukal hampir meranapkan perniagaannya.

Mujur suami Khairul Azhar Bahari, 43, yang bekerja dalam bidang komunikasi rela berkorban masa dan tenaga. Berbekal sisa modal, mereka menggandakan pemasaran di media sosial dan Shopee. Perniagaan tersebut bangkit semula.

Beri percuma

Shimaz Tumisan Bonda bermula dengan modal permulaan RM800. Hashima menghasilkan empat jenis pes tumisan segera kari ikan, ikan bakar, nasi goreng dan masak lemak secara kecil-kecilan di rumah.

"Mula-mula susah mahu jual. Saya banyak beri percuma kepada jiran, saudara-mara dan kawan-kawan tetapi lama-lama ramai yang beli," katanya kepada Selangorkini di kilangnya di Shah Alam baru-baru ini.

Selepas setahun, Hashima menyewa premis berikutan perniagaan kian berkembang. Beliau mendapat kepercayaan pelanggan besar yang mempunyai jenama sendiri dan pengusaha rangkaian restoran. Mereka menjenamakan semula produk Shimaz Tumisan Bonda.

Kesungguhan itu mendapat perhatian Exco Usahawan Negeri Selangor, Rodziah Ismail yang membantunya memperoleh mesin steril bernilai RM30,000 pada 2019. Mesin tersebut menjadikan produknya bertahan hingga dua tahun tanpa pengawet.

"Kami tidak guna pengawet supaya lebih sedap. Sebab itulah bila ada mesin steril sangat membantu produk tahan lama," kata Hashima.

Agensi antaranya Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia dan Jabatan Pertanian turut memberi geran untuk membeli kelengkapan mesin memasak dan membungkus.

Jualan melonjak

Perniagaannya kian maju. Beliau sekali lagi berpindah ke premis lebih besar di Berjaya Park, Seksyen 32, Shah Alam. Hashima juga meminjam RM5,000 daripada Yayasan Hijrah bagi menambah peralatan di kilang baharu.

Sebuah lagi mesin steril berharga kira-kira RM60,000 dibeli pada April tahun lalu bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran kepada 1,200 bungkus pes sehari.

Ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan pada Mac 2020, jualan produknya melonjak sehingga mencecah 11,500 bungkus seminggu.

"Mungkin sebab masa itu orang cuma duduk rumah. Jadi jualan dalam talian melonjak tinggi," kata Hashima.

Bermula empat jenis produk, jenama Shimaz Tumisan Bonda berkembang kepada 20 produk pelbagai pes tumisan segera.

Beliau juga mampu menggaji sembilan pekerja antaranya golongan fakir miskin dan orang kelainan upaya, sesuatu yang diazaminya ketika mula berniaga.

UAE sumbang barangan asas

SHAH ALAM - Kerajaan Emiriah Arab Bersatu (UAE) menyumbang 9,600 barangan keperluan asas kepada mangsa banjir di negeri ini pada 3 Januari.

Barangan berupa beras, minyak masak, tepung gandum dan gula serta kit pencuci seperti berus gigi, tuala wanita dan cecair pencuci tangan diserah kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Datuk bandar Shah Alam berkata kesemua barangan akan diedar kepada mangsa yang dikenal pasti dalam tempoh terdekat khususnya di Taman Sri Muda.

"Kita berterima kasih kepada UAE yang melalui Persatuan Bulan Sabit Merah mereka menyampaikan sumbangan ini bagi membantu mangsa yang terkesan.

"Kita mempunyai data mangsa yang benar-benar terkesan yang diperoleh dari ahli majlis. Kita akan serahkan dalam tempoh terdekat," kata Dato' Zamani Ahmad Mansor.

Dapur Ehsan sedia 14,000 pek makanan

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) menyediakan kira-kira 14,000 bungkusan makanan sepanjang 12 hari program Dapur Ehsan berlangsung.

Ketua pegawai eksekutifnya, Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi berkata makanan diagih kepada mangsa banjir sekitar Sri Muda, Padang Jawa dan Puchong termasuk di pusat pemindahan sementara (PPS).

"Program bermula dari 20 hingga 31 Disember melibatkan kos melebihi RM30,000. Sehari kita sediakan sehingga 1,500 pek makanan.

"Langkah ini dapat meringankan beban mangsa banjir memandangkan hampir semua kelengkapan rumah mereka hanyut. Jadi kita bantu sediakan makanan," katanya pada 3 Januari.

Jelasnya, program berkenaan menerima sumbangan pelbagai pihak termasuk wang ringgit, peralatan memasak dan barangan basah.

Polis bantu bersih rumah mangsa bah

SHAH ALAM - Seramai 48 pegawai dan anggota daripada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ampang Jaya membantu membersihkan kediaman mangsa banjir di Batu 14, Hulu Langat.

Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor dalam kenyataannya pada 5 Januari memaklumkan bantuan itu selari dengan motto Polis Diraja Malaysia (PDRM) iaitu Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada.

Pegawai dan anggota terbabit membersihkan rumah mangsa banjir selama tiga hari sejak 2 Januari bermula dari jam 8 pagi hingga 1 petang.

Polis berharap bantuan diberikan ini dapat meringankan beban mangsa banjir.

GIAT... Petugas Majlis Bandaraya Shah Alam membersihkan persekitaran Kampung Baru Hicom, Seksyen 26 pada 4 Januari. Foto MBSA

RM500,000 untuk bantuan, baiki prasarana

Rujuk pakar atasi banjir masa depan

Oleh **AMIN RIDZUAN ISHAK**

SUBANG - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) meluluskan peruntukan segera RM500,000 untuk menguruskan bencana banjir dan membaiki prasarana terjejas.

Datuk bandarnya berkata perbelanjaan itu antaranya meliputi penyediaan barang keperluan 24 pusat pemindahan sementara (PPS) dan makanan kepada sukarelawan.

Menurut Noraini Roslan, sebanyak RM8,000 turut diagih kepada sekolah yang dijadikan PPS, RM10,000 kepada masjid dan RM5,000 untuk surau melaksanakan pembaikan segera.

"Kita ada peruntukan RM1.59 juta untuk pengurusan bencana dan perbelanjaan luar jangka selain Tabung Amanah MBSJ dengan RM69,000 dibelanjakan bagi membantu kakitangan terjejas banjir," katanya pada 29 Disember.

Noraini berkata keperluan asas turut diagih ke pusat operasi Kampung Tengah, Kampung Kenangan, Kampung Seri Aman dan Bukit Lanchong.

Jelasnya, perbelanjaan juga meliputi sewaan jentera untuk menguruskan sisa sampah banjir dan pembaikan segera prasarana seperti jalan raya bernilai RM150,000 dan RM120,000 untuk saliran.

Noraini berkata MBSJ turut mendapatkan bantuan pakar untuk mengenal pasti penyelesaian jangka panjang bagi mengatasi masalah banjir dengan kos berpatutan.

"Kerajaan Negeri minta untuk membaiki kunci air bernilai RM30 juta dan RM15 juta bagi saliran, ini perlu dikaji kerana perkembangan semasa dan selepas banjir berbeza.

"Mungkin boleh melambatkan aliran air di peringkat hulu ke bawah dengan kos lebih rendah," katanya lagi.

Bina pustaka mini di pangsapuri

SUBANG - Lebih banyak perpustakaan mini dan sudut bacaan akan diwujudkan di pangsapuri angkat Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) bagi memupuk minat membaca dalam kalangan masyarakat.

Datuk bandar Subang Jaya berkata pihaknya sedia membantu ahli majlis dan jawatankuasa penduduk untuk menjayakan inisiatif yang dibangunkan di beberapa lokasi antaranya Pangsapuri Sri Mutiara, Sri Tanjung dan Angsana.

Noraini Roslan menjelaskan Perpustakaan Hipermedia MBSJ boleh membantu menyediakan bahan bacaan selain memohon sumbangan syarikat swasta.

"Setakat ini, semua kemudahan disediakan penduduk sama ada menggunakan kayu palet untuk buat meja dan kerusi serta sumbangan pihak luar, malah ada sedia komputer.

"Kita hendak melihat inisiatif dan inovasi dari penduduk kerana sekiranya datang daripada mereka ada perasaan sayang kemudahan berbanding jika majlis sedia semua," katanya pada 29 Disember.

Timbunan sampah banjir sekitar Kampung Baru Hicom, Shah Alam selesai dibersihkan pada 3 Januari. Foto MBPJ

Beberapa kawasan selesai dibersihkan

Angkut lebih 31,000 tan sampah

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Sebanyak 31,374 tan metrik sampah banjir dibersihkan di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) setakat 3 Januari.

Berdasarkan laporan semasanya, pihak berkuasa tempatan itu mengutip 2,868 tan metrik sampah sehari dengan pecahan 314 tan metrik di daerah Petaling manakala 2,554 tan metrik lagi di Klang.

Dibantu beberapa agensi, ia berjaya membersihkan 12 lokasi di Seksyen 25 sehingga pukul 1 petang hari berkenaan.

Kerja tersebut turut dibantu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, pengendali sisa pepejal, SWCorp dan sukarelawan beberapa pertubuhan bukan kerajaan serta syarikat korporat.

Di Petaling, kerja pembersihan selesai sepenuhnya di sembilan lokaliti banjir iaitu Seksyen 13, Seksyen 19, Seksyen 22 (Kampung Kebun Bunga), Seksyen 23, Seksyen 28 (Kampung Lanchong Jaya), Seksyen U1, Seksyen U3, Seksyen U6 dan U17.

Di Klang pula, empat lokaliti sempurna dibersihkan melibatkan Seksyen 32, Seksyen 33 (Alam Indah), Seksyen 35 (Taman Desa Kemuning) dan Seksyen 36 (Taman Sri Wangi, Sungai Kandis).

Kerja pembersihan Sri Muda hampir siap

SHAH ALAM - Kerja pembersihan pascabanjir di Taman Sri Muda di sini dijangka dapat diselesaikan sepenuhnya minggu ini.

Datuk Bandar Shah Alam Dato' Zamani Ahmad Mansor berkata setakat 3 Januari, 11,919 tan sampah pukal telah dibawa keluar dari kawasan berkenaan.

"MBSA bersama KDEB Waste Management (KDEBWM) menguruskan sampah di kawasan banjir dan boleh dikatakan sebahagian kawasan telah mencapai 100 peratus.

"Namun di Taman Sri Muda kawasan yang terjejas adalah besar dan ketika ini sudah lebih 60 peratus diselesaikan. InsyAllah kita cuba selesaikannya minggu ini juga," katanya pada 3 Januari.

Sebanyak 12 dari 21 lokasi terjejas selesai dibersihkan dengan kutipan harian berjumlah 3,042 tan metrik.

Kerja pembersihan melibatkan 250 petugas MBSA, 65 dari KDEBWM dan 45 sukarelawan menggunakan 207 lori serta 60 jengkaut.

Kuala Selangor, Sepang selesai

SHAH ALAM - Kerja pembersihan pascabanjir seluruh kawasan terlibat dijangka selesai sepenuhnya sebelum 7 Januari, kata KDEB Waste Management (KDEBWM).

Pengarah Urusannya Ramli Mohd Tahir berkata proses pembersihan menghampiri 90 peratus malah kutipan sampah di beberapa kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) antaranya Sepang dan Kuala Selangor sudah tamat.

"Jika hujan ia menyukarkan dan memperlahankan kerja kutipan termasuk risiko sampah tertolak ke parit atau longkang," katanya pada 4 Januari.

Beliau berkata setakat 3 Januari selepas 12 hari beroperasi sebanyak 40,000 tan sisa bencana berjaya dikeluarkan meliputi semua kawasan terlibat.

Sewakan jengkaut, percepat kerja

SHAH ALAM - Individu atau syarikat yang memiliki pengorek kaut dipelawa menyewakan kemudahan itu bagi melancarkan proses pengeluaran sampah banjir di Taman Sri Muda, Seksyen 25 di sini.

Ia susulan KDEB Waste Management (KDEBWM) kekurangan jentera bagi mengangkut lambakan kayu, almari dan besi dari kawasan terbabit, kata Pengarah Urusannya Ramli Mohd Tahir.

Beliau memaklumkan kerja pembersihan longkang, jalan dan parit tersumbat dibuat sebaik proses kutipan sisa pascabanjir di seluruh kawasan selesai.

Orang ramai yang ingin menyewakan pengorek kaut boleh merujuk Facebook dan laman web syarikat itu atau hubungi pengurus operasi Taman Sri Muda, Rizal di talian 013-322 8231.

322 pelajar Yayasan Selangor dapat 5A

SHAH ALAM - Seramai 322 orang pelajar tajaan Yayasan Selangor memperoleh keputusan 5A dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020.

Pengarah Kanan Pendidikannya Zahura Zakry menjelaskan pencapaian berkenaan terbaik sejak 2016.

"Syabas atas kecemerlangan keputusan SPM 2020 walaupun murid menghadapi pelbagai cabaran berikutan pandemik Covid-19," katanya pada 30 Disember.

Katanya, keputusan 4A dan ke atas juga meningkat berbanding 2019 termasuk 144 pelajar memperoleh 4A dan ke atas.

Seramai 779 pelajar tajaan Yayasan Selangor membabitkan 60 sekolah di negeri dan Kuala Lumpur menduduki SPM.

LZS syarikat terbaik untuk bekerja

KUALA LUMPUR - Lembaga Zakat Selangor (LZS) dinobatkan sebagai antara penerima anugerah Syarikat Terbaik Untuk Bekerja di Asia 2021 (edisi Malaysia) anjuran HR Asia dalam satu majlis berprestij baru-baru ini.

LZS antara 43 syarikat yang menerima anugerah itu daripada keseluruhan 270 penyertaan syarikat tempatan dan antarabangsa yang beroperasi di Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Saipolyazan M. Yusop yang menerima anugerah itu berkata ia merupakan pengiktirafan kepada warga kerja yang bekerja keras memberi yang terbaik kepada asnaf

Beliau berkata penganugerahan itu membuktikan keupayaan syarikat berkenaan mengurus secara profesional dan bertaraf antarabangsa, sekali gus meningkatkan keyakinan pengeluar zakat untuk

PREC sumbang makanan, zakat

SHAH ALAM - PKNS Real Estate Sdn Bhd (PREC) mengagih bantuan makanan dan zakat kepada lima keluarga terjejas banjir di Meru, Klang dan Padang Jawa, Shah Alam pada 30 Disember.

Misi Meringankan Beban dan Agihan Wang Zakat itu dibantu enam artis dari Indigital Music iaitu Syahmi, Aufahanie, Nomad, Killa Driz, Aliff Iskandar dan Syafiq Naser.

"PREC menyumbang barangan asas seperti minyak masak, kopi, susu, teh, tisu tandas selain barangan elektrik dan dapur masak bagi menggantikan barangan mangsa yang rosak akibat banjir.

"Siri pengagihan zakat berjumlah RM40,500 dilakukan dari semasa ke semasa kepada 17 rumah terpilih dan dijangka selesai awal Januari 2022," katanya.

Menurut PREC, Bazaarlokal juga menganjurkan jualan amal bertema 'Charity Is Fun' bagi mengumpul dana untuk disalur kepada mangsa banjir.

Perkasa agenda digital pendidikan

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menyediakan dua agenda pendigitalan sektor pendidikan bagi memudahkan pembelajaran sepanjang tempoh pandemik Covid-19.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin berkata program e-pembelajaran Selangor Tutor dimulakan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama tahun lalu diikuti Data Internet Selangor.

"Inisiatif ini untuk membantu golongan B40 dan M40 dengan menyediakan sambungan internet mudah alih mampu milik yang dipakejkan dengan solusi pembelajaran yang digunakan oleh golongan sasaran secara produktif.

"Inisiatif ini dapat meningkatkan akses sumber pendidikan dalam talian sebagai salah satu norma baharu dalam sektor pendidikan," katanya pada 30 Disember.

Terdahulu, Amirudin yang juga pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor merasmikan Majlis Anugerah Kecemerlangan Pendidikan Yayasan Selangor 2019/2020 secara maya.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020 tajaan yayasan itu yang berjaya memperoleh keputusan cemerlang di sebalik kekangan pandemik Covid-19.

Pada Mac tahun lalu, Kerajaan Negeri melaksana program e-pembelajaran, Selangor Tutor sepanjang tempoh PKP yang mendapat sambutan menggalakkan.

Pada 4 Ogos lalu, Dato' Menteri Besar mengumumkan seramai 70,000 rakyat negeri ini bakal menikmati kad SIM dan data internet percuma selama 12 bulan dengan peruntukan RM17.5 juta.

Peluang pengusaha kecil ke pasaran global

Tambah bilangan pemegang sijil halal

Oleh **AMIN RIDZUAN ISHAK**

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menggiatkan usaha menambah pemegang sijil halal dalam kalangan pengusaha kecil bagi membantu mereka meneroka pasaran antarabangsa.

EXCO Industri Halal Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata kira-kira 4,000 pengusaha di negeri ini memiliki sijil halal manakala Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) sedang memproses 1,000 lagi permohonan.

Katanya, bilangan itu menunjukkan kesedaran tinggi pengusaha bagi mendapat pengiktirafan termasuk peniaga bukan Islam.

"Mereka memohon kerana mahu meneroka pasaran antarabangsa yang mempunyai potensi besar.

"Peluang sama juga harus dimanfaatkan peniaga kita dan Kerajaan Negeri sedia bantu mereka mendapat pengiktirafan halal," katanya pada 30 Disember.

Merasmikan Persidangan Antarabangsa Halal Selangor (Selhac) di sini pada 29 Disember, Mohd Zawawi berkata penganjurannya bagi menyokong pertumbuhan industri halal.

"Selhac adalah plaftorm mengembangkan rangkaian perniagaan pengusaha sektor halal selain bertukar pandangan antara satu sama lain," jelasnya.

Amy Search, Shuib bantu mangsa bah

SHAH ALAM - Penyanyi rock Amy Search dan pelawak Shuib Sepathu antara artis terkenal yang membantu mangsa banjir di negeri ini sejak 19 Disember.

Vokalis kumpulan Search itu dan isterinya Norhasliza Hassan ke Meru, Klang bersama sukarelawan Summit Attack Resources (SAR) dan wakil rakyat Meru Fakhrulrazi Mokhtar.

Amy, nama sebenarnya Suhaimi Abdul Rahman, 63, berkata beliau biasa melakukan kerja pembersihan.

"Hari ini di Meru pula. Kalau di kampung kerja-kerja macam ini sudah biasa," kata penyanyi lagu Isabella itu di Facebook.

Fakhrulrazi berkata Amy turut menyediakan kopi jenamanya 'Phewiiit Coffee' kepada sukarelawan selain membersihkan rumah penduduk.

"Beliau tidak ketinggalan memberi kata semangat kepada mangsa banjir dan petugas yang bertungkus-lumus membersihkan sisa banjir," katanya sambil menambah pelawak Shuib juga ada membantu mangsa banjir.

Sukarelawan SAR yang disertai Amy turut ke Taman Langat Murni, Dengkil bagi menghulur sumbangan makanan, pakaian dan permainan untuk kanak-kanak.

Tidak ketinggalan, pelakon Mona Allen bersama sukarelawan Happy Hope Relief ke Kuala Selangor menghulurkan bantuan di kawasan Ahli Dewan Negeri Permatang, Rozana Zainal Abidin.

Wakil rakyat itu berkata isteri kepada Pekin Ibrahim itu menyumbang kit perapian diri, selimut, bantal dan makanan ringan kepada sebahagian mangsa banjir di Kampung Bestari Jaya.

"Terima kasih kepada team Happy Hope Relief yang telah turun menyantuni dan membantu mangsa banjir," katanya.

Saingan Liga Super Wanita kian sengit

UiTM FC benam Radia Ladies 9-0

Oleh **SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - Pasukan bola sepak UiTM FC menamatkan saingan peringkat kumpulan A Liga Super Wanita FAS dengan bergaya apabila menewaskan Radia Ladies 9-0 dalam perlawanan pada 3 Januari.

First 11 FC yang juga dalam kumpulan A pula dibelasah The Footsouls dengan jaringan 0-7.

Liga yang memasuki minggu kelima di Radia Arena Bukit Jelutong turut menyaksikan MBSJ FC dan Negeri Sembilan Women FC (NSWFC) seri 0-0 dalam aksi kumpulan B.

SA United FC pula menempah slot ke pusingan kalah mati apabila meledak gol 1-0 menewaskan Rhym Rovers juga dalam kumpulan B.

Empat pasukan dalam kumpulan A yang layak ke pusingan suku akhir adalah FC Swat, UiTM FC, First 11 FC, The Footsouls manakala kumpulan B – Leopard FC, MBSJ FC, SA United dan NSWFC.

Perlawanan akhir berlangsung di Stadium Majlis Bandaraya Subang Jaya pada penghujung bulan ini.

Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan merasmikan liga itu pada 20 November.

Kejohanan julung kali itu dianjurkan bagi membantu wanita untuk bermain bola sepak pada peringkat kompetitif.

Cheng Hoe letak jawatan ketua jurulatih

KUALA LUMPUR - Ketua jurulatih skuad Harimau Malaya, Tan Cheng Hoe melepaskan jawatannya berikutan "kegagalan melangkah ke pusingan separuh akhir Piala AFF 2020" di Singapura bulan lepas, menurut Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) pada 3 Januari.

Setiausaha Agung FAM Mohd Saifuddin Abu Bakar berkata Cheng Hoe menyatakan hasrat berundur ketika mengadakan perbincangan dengan pengurusan FAM, baru-baru ini.

"FAM mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Cheng Hoe yang secara keseluruhannya telah berkhidmat selama 14 tahun bersama FAM sejak bergelar penolong jurulatih skuad bawah-20 tahun kebangsaan pada 2005.

"Jasa dan sumbangan beliau akan sentiasa dikenang. Terima kasih. Selamat maju jaya juga kepada Cheng Hoe dalam meneruskan karier kejurulatihannya selepas ini," katanya. – BERNAMA

Brendan kembali perkuat Selangor FC

SHAH ALAM - Kapten Selangor FC (SFC) Brendan Gan teruja menampilkan aksi cemerlang dalam Liga Malaysia musim ini selepas hampir tujuh bulan tidak beraksi dalam perlawanan kompetitif akibat menghidap barah testis.

Brendan, teruja dapat kembali menjalani latihan bersama rakan sepasukan mulai tahun ini yang dinantikannya sejak sekian lama.

"Dapat kembali turun ke padang dan bermain bola sepak adalah sesuatu yang saya suka lakukan," katanya di Facebook Selangor FC pada 3 Januari.

Pada 26 Julai tahun lalu, Brendan yang juga pemain tengah Harimau Malaya disahkan menghidap barah testis.

Kali terakhir Brendan beraksi secara kompetitif ketika membantu skuad Harimau Malaya mengharungi cabaran pusingan kedua kempen Kelayakan Piala Dunia 2022/Piala Asia 2023 di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada Jun.

Walau tidak turun beraksi, SFC masih membayar gajinya dan memenuhi kewajipan seperti dipersetujui dalam kontrak pemain berdarah campuran Malaysia-Australia itu.

KUASAI PASARAN SELANGOR

150,000
naskhah akhbar SelangorKini setiap minggu

60
TV Indoor Digital Media (TVIDM) di *high-foot traffic* seluruh Selangor

1 JUTA
komuniti digital di platform media sosial

MediaSelangor
www.mediaselangor.com
selangorkini 当今雪州 சிலாங்கூர்
SELANGOR JOURNAL SelangorTV

PENGIKLANAN
IMBAS UNTUK WHATSAPP
NADHRAH AZLAN
011-1139 0244
nadhrah@mediaselangor.com

PENGIKLANAN
IMBAS UNTUK WHATSAPP
SYAHIR KHADRI
014-311 6704
syahir@mediaselangor.com

PEMASARAN
IMBAS UNTUK WHATSAPP
YUSRI ANUAR
017-606 5745
yusri@mediaselangor.com

SAARI SUNGIB
Hulu Kelang
meninjau penempatan sementara mangsa banjir di Sungai Lui, Hulu Langat

SYAMSUL FIRDAUS SUPRI
Taman Medan
menyerahkan bantuan makanan di pusat khidmatnya Taman Medan, Petaling Jaya

WONG SIEW KI
Balakong
mengangkat barang rosak akibat banjir di Taman Sri Indah, Hulu Langat

CHUA WEI KIAT
Rawang
membersih rumah mangsa banjir di Kampung Orang Asli Pulau Indah, Klang

SHATIRI MANSOR
Kota Damansara
melawat kawasan tanah runtuh di Kampung Baru Subang, Shah Alam

JAMALIAH JAMALUDDIN
Bandar Utama
menyumbangkan tilam kepada mangsa banjir di Dusun Tua, Hulu Langat

MAZWAN JOHAR
Sungai Ramal
membantu penduduk bersihkan perabot rumah di Kampung Bangi, Hulu Langat

LEONG TUCK CHEE
Pandamaran
mendengar taklimat tebatan banjir bersama Jabatan Pengairan dan Saliran di Taman Melawis, Klang

Sumbang 600 pelapik tidur, makanan

SHAH ALAM - Wakil rakyat Pandan Indah menyumbang 600 set pelapik tidur dan pek makanan kepada beberapa Pusat Operasi Bencana Alam (POBA) di Selangor pada 3 Januari.

Ir Izham Hashim berkata agihan dibuat bagi membantu mangsa banjir yang kehilangan harta-benda dan keperluan asas susulan bencana pada 18 Disember.

"Alhamdulillah, selesai mengagih sumbangan set toto dan pek makanan kepada POBA Puchong, Shah Alam, Kota Raja, Kapar, Kuala Selangor dan Tanjong Karang.

"Semoga dengan sedikit sumbangan ini dapat meringankan beban mangsa banjir di Selangor," katanya.

Beliau yang juga EXCO infrastruktur turut merancang untuk memberi bantuan dapur gas kepada mangsa terlibat.

"Insya-Allah, selepas ini saya sedang usaha untuk menyumbang set dapur gas pula," tambah Ir Izham.

Pastikan mangsa bah terima manfaat

Proses mohon bantuan dipercepat

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SHAH ALAM - Wakil rakyat giat mengumpul borang permohonan Bantuan Selangor Bangkit (BSB) untuk mempercepat proses penyaluran sumbangan kepada mangsa banjir.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kota Kemuning berkata lebih 3,000 borang permohonan melibatkan warga Klang setakat 2 Januari manakala permohonan di Petaling seperti di Kampung Bukit Lanchong, Lanchong Jaya, Alam Indah dan Kampung Baru Hicom sedang dibuat.

V Ganabatirau juga membuka khemah bersebelahan kuil Seksyen 25 untuk memudahkan penduduk menghantar borang selain meminta ahli majlis dan ketua kampung membantu membawa salinan kad pengenalan dan bil utiliti.

Beliau yang juga EXCO kebajikan masyarakat berkata seramai 1,500 mangsa banjir di Klang termasuk Sri Muda telah menerima bantuan RM1,000 setakat 1 Januari.

Dalam tempoh sama, wakil rakyat Pelabuhan Klang Azmizam Zaman Huri berkata sebanyak 3,000 permohonan diterima untuk kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pelabuhan Klang.

"Pemberian bantuan di DUN Pelabuhan Klang bermula 30 Disember. Seramai 100 mangsa banjir Kampung Perigi Nenas, Pulau Indah menerima RM1,000. Mangsa banjir diingatkan segera menghantar borang pada 10 Januari," katanya.

Wakil rakyat Dusun Tua Edry Faizal Eddy Yusof berkata penyerahan bantuan dilakukan secepat mungkin dan dijangka selesai diagih sebelum 8 Januari.

"Bantuan kepada penduduk di pusat pemindahan sementara (PPS) sudah selesai, sekarang fokus untuk mangsa kekal di rumah," katanya pada 1 Januari.

100 keluarga dapat kelengkapan rumah

SHAH ALAM - Seramai 100 keluarga mangsa banjir di Kampung Asahan memperoleh bantuan kelengkapan rumah hasil sumbangan pelbagai pihak, kata Ahli Dewan Negeri (ADN) Bukit Melawati.

Juwairiya Zulkifli berkata agihan dapur masak, periuk nasi dan keperluan asas pada 30 Disember diharap meringankan beban mangsa yang dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) susulan bencana pada 18 Disember.

"Ini semua hasil bantuan orang ramai yang dikumpulkan pusat khidmat masyarakat (PKM) Bukit Melawati untuk diedar kepada penduduk terjejas.

"Malah, (pada 31 Disember) kita terima tambahan 30 unit dapur masak dari badan bukan kerajaan (NGO) Terengganu untuk disampaikan kepada penduduk di kampung lain dalam masa terdekat," katanya pada 1 Januari.

Beliau berkata semua mangsa sekitar Kuala Selangor di PPS telah kembali ke kediaman dan giat melaksanakan kerja pembersihan.

"Saya berterima kasih kepada sukarelawan dari luar, Sukarelawan Selangor (SERVE), Team Selangor dan Dewan Undangan Negeri (DUN) kerana tidak putus-putus membantu proses pembersihan rumah mangsa," katanya.

AHLI DEWAN NEGERI DUSUN TUA

EDRY FAIZAL EDDY YUSOF

- **Umur:** 37 tahun
- **Falsafah hidup:** Hidup lebih dari sekadar bernafas. Selagi hidup selagi itu berjuang
- **Pekerjaan sebelum jadi Ahli Dewan Negeri:** Penyelaras program dan ahli Majlis PBT
- **Alamat pejabat ADN:** No 38-1 tingkat, 1, Jln Seri Mas 1, Taman Seri Mas, 43100 Hulu Langat
- **Nombor telefon ADN:** 03-9021 2383
- **E-mel:** adn.dusuntua@gmail.com
- **Facebook:** Edry Faizal

700 isi rumah terima RM1,000

KUALA LANGAT - Hampir 700 keluarga yang terjejas banjir di daerah ini dan Sepang menerima bantuan RM1,000 daripada Kerajaan Negeri pada 4 Januari.

EXCO pembangunan luar bandar berkata jumlah itu merangkumi 277 keluarga di Bukit Changgang di sini dan lebih 400 keluarga di Dengkil, Sepang.

Borhan Aman Shah memaklumkan sumbangan RM10,000 turut diserahkan kepada empat waris mangsa banjir yang terkorban dalam bencana itu.

"Pemberian tunai hari ini berjalan lancar dan mereka tidak perlu mengisi banyak borang, hanya sekeping sahaja dan terus terima sumbangan," katanya selepas menyerahkan bantuan itu di sini.

Derma wang, dengar keluhan

HULU LANGAT - Ahli Dewan Negeri (ADN) Hulu Kelang menyampaikan sumbangan kewangan kepada 18 keluarga di Kampung Jawa Batu 19 di sini yang terjejas banjir pertengahan Disember lalu.

Saari Sungib membantu selepas melihat penderitaan penduduk yang kediaman musnah sepenuhnya dalam kejadian pada 18 Disember.

"Jadi saya bawa sumbangan dan mendengar masalah untuk meringankan sedikit penderitaan mereka," katanya selepas menyampaikan bantuan kepada penduduk di sini pada 1 Januari.

Beliau berharap penduduk terlibat tabah dan kuat menghadapi ujian ini.

Kampung itu antara kawasan paling terjejas di Hulu Langat dengan tiga rumah musnah sepenuhnya dalam bencana terburuk dalam tempoh 50 tahun lalu.

Agih 1,000 bakul makanan

SHAH ALAM - Sebanyak 1,000 pek bakul makanan diedar kepada keluarga berpendapatan rendah (B40) sekitar Balakong mulai 1 Januari.

Wakil rakyatnya Wong Siew Ki berkata bantuan itu bagi menggantikan program perayaan Tahun Baharu Cina yang dibatal susulan Covid-19 dan banjir.

"Kita beri sumbangan ini bagi menghormati individu yang terkesan bukan sahaja dengan pandemik Covid-19 tetapi bencana banjir baru-baru ini.

"Kita harap pemberian ini sedikit sebanyak meringankan beban penerima sekali gus meraikan perayaan secara bersederhana," katanya pada 3 Januari.

Individu yang memerlukan bantuan boleh tampil ke Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri Balakong atau hubungi 03-9076 0331.

Anwar gesa sidang khas Parlimen bahas isu banjir 15

STDC baiki alatan elektrik percuma 8

selangorkini

Kupon parkir gores hingga hujung Mac

SHAH ALAM - Orang ramai masih dibenar menggunakan kupon parkir bergores di seluruh pihak berkuasa tempatan (PBT) sehingga hujung Mac.

Keputusan melanjutkan kaedah yang sepatutnya berakhir 3 Januari membolehkan masyarakat menghabiskan kupon sedia ada, kata EXCO kerajaan tempatan

Ng Sze Han yakin semua pihak boleh menerima sistem berkenaan yang lebih mudah dan cepat, yang dimuat turun sekitar 1.7 juta pengguna setakat ini.

Kerajaan Selangor memansuhkan penggunaan kupon parkir kertas gores dan menguatkuasakan e-kupon melalui aplikasi SSP, yang boleh dimuat turun di App Store atau Google Play Store.

Empat sekolah tahfiz terjejas bah dibantu

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) menyalur bantuan keperluan asas kepada empat sekolah tahfiz sekitar Kuala Selangor yang terjejas banjir.

Bantuan antaranya beras, lapik tidur dan barangan makanan asas disalur kepada Akademi Shahadah Tahfiz Al Faizin Banat di Parit Mahang dan Maahad Tarbiah Gontory Banat Bukit Hijau, Jeram.

Turut menerima sumbangan ialah Maahad Tarbiah Islamiah Al-Ansar di Bestari Jaya dan Maahad Tahfiz Diniah Sungai Gulang-Gulang, Tanjong Karang.

"Semoga dengan usaha ini, dapat meringankan sedikit sebanyak bebanan mangsa banjir," katanya pada 30 Disember.

1,000 dos penggalak di Kuala Kubu Baharu

SHAH ALAM - Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Baharu menganjurkan program Vaksin Selangor (Selvax) Booster pada 9 Januari.

Wakil rakyatnya Lee Kee Hiong berkata sebanyak 1,000 dos penggalak disediakan pada program di Dewan Serbaguna Kampung Chuang Rasa, Kuala Kubu Baharu.

"Dos penggalak vaksin Covid-19 jenis Sinovac ini akan diberi secara percuma kepada individu berusia 18 tahun ke atas dan terhad 1,000 dos penggalak sahaja," katanya pada 3 Januari.

Antara syarat lain individu itu perlu lengkap dos Sinovac dan tempoh melebihi tiga bulan, terbuka kepada mereka yang tidak menerima janji temu di MySejahtera.

Pada 7 Disember, Kerajaan Negeri mengumumkan 157,000 dos penggalak diberikan secara percuma menerusi program Selvax Booster.

GELECEK... Pemain Negeri Sembilan Women's FC (NSWFC) (tengah) cuba melepasi pemain MBSJ FC dalam perlawanan Liga Super Wanita FAS yang berkesudahan seri 0-0 di Radia Arena, Shah Alam pada 3 Januari.
Foto Persatuan Bolasepak Selangor
▶ BERITA MUKA 21

Dikecuali khusus buat mangsa bah

Automatik tiada caj bil air Januari

SHAH ALAM - Mangsa banjir termasuk penerima Skim Air Darul Ehsan layak menerima pengecualian bil air Januari secara automatik menerusi inisiatif Bantuan Selangor Bangkit.

Pengurusan Air Selangor Sdn Berhad (Air Selangor) akan membuat semakan pemegang akuan domestik dengan Unit Penyelaras Bencana Banjir Negeri untuk mengenal pasti individu layak.

Kenyataan agensi itu pada 5 Januari menjelaskan pengguna masih menerima bil bulanan tetapi bayaran untuk satu bulan dikecualikan secara automatik tanpa sebarang permohonan.

Mangsa bah boleh membuat semakan lokasi yang menerima pengecualian menerusi airselangor.com. Turut menerima manfaat ialah sembilan kawasan di ibu negara yang terjejas banjir.

Pengguna yang membayar bil kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau penghuni kediaman bertingkat pula perlu mendapat pengesahan Kerajaan Negeri terlebih dahulu untuk menikmati pengecualian tersebut.

Selain itu, Air Selangor juga menyediakan kemudahan lain antaranya:

- tanggung kos penggantian meter patah atau hilang akibat banjir
- pertimbang sambungan bekalan air yang dipotong tanpa bayaran
- bukan warganegara yang jadi mangsa banjir layak dapat pengecualian

22,500 mangsa banjir terima RM600

SHAH ALAM - Seramai 22,500 mangsa banjir negeri ini menerima bantuan RM600 dari Lembaga Zakat Selangor setakat 31 Disember.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Saipolyazan M Yusop berkata bantuan diagih secara berperingkat sejak 28 Disember dengan dikredit terus ke akaun bagi meringankan beban mangsa.

"Semua penerima ini dalam kalangan pemohon fasa pertama. Keseluruhannya LZS terima kira-kira 35,000 pemohonan sehingga tarikh tutup pada 31 Disember.

"Bagaimanapun sebanyak 18 peratus permohonan terpaksa ditolak kerana dokumen yang tidak lengkap. Sekarang kita buka untuk fasa kedua hingga hujung bulan ini," katanya pada 3 Januari.

Saipolyazan berkata LZS turut memperuntuk sejumlah dana sebagai bantuan pascabanjir bagi membantu asnaf fakir dan miskin yang mengalami kerosakan rumah.

Pada 20 Disember, beliau mengumumkan sumbangan RM600 kepada setiap ketua keluarga fakir miskin termasuk bukan asnaf yang terjejas akibat banjir melibatkan peruntukan RM1 juta.

LZS mengumpul maklumat ketua keluarga dengan kerjasama Jawatankuasa Bencana Daerah untuk menyelaraskan bantuan.

Agensi itu turut memperuntuk RM250,000 lagi bagi menyumbang makanan kering dan barangan keperluan asas di pusat pemindahan sementara daerah terlibat.

Diterbitkan oleh **Media Selangor Sdn Bhd** (sebelumnya dikenali **Communication Corporation Sdn Bhd**), Aras 11, Menara Bank Rakyat, No. 1, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor.
Dicetak oleh **Ultimate Print Sdn. Bhd** Lot 2, Jalan Sepana 15/3, off Pesiaran Selangor Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor